



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA

*Senate*

### PARLIMEN KETUJUH

*Seventh Parliament*

### PENGGAL KETIGA

*Third Session*

**Jilid III**

**Bil. 13**

**Hari Selasa**

**11hb Julai, 1989**

#### KANDUNGANNYA

#### PENGUMUMAN TUAN YANG DI-DIPERTUA:

Mengalu-alukan Kedatangan Dr. The Hon'ble Najma Heptulla,  
Naib Pengerusi Rajya Sabha (Dewan Negara) Parlimen India  
dan Suaminya (Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

#### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia, Kawalan  
Pertukaran Wang, Insurans dan Takaful (Pindaan) (Ruangan 36)

Rang Undang-Undang Pertaruhan (Pindaan) (Ruangan 40)

Rang Undang-Undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) (Ruangan 57)

Rang Undang-Undang Darurat (Ketenteraman Awam dan  
Mencegah Jenayah) (Pindaan) (Ruangan 93)

Rang Undang-Undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah  
Pencegahan Khas)(Pindaan) (Ruangan 104)

#### USUL:

Penangguhan Mesyuarat (Ruangan 108)

#### UCAPAN PENANGGUHAN:

Dasar Pendidikan Tidak Berasaskan Rancangan Ad hoc  
- Y.B. Tuan Chan Choong Tak (Ruangan 108)



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Selasa, 11hb Julai, 1989**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN DR. THE HON'BLE NAJMA HEPTULLA, NAIB PENERUSI RAJYA SABHA (DEWAN NEGARA) PARLIMEN INDIA DAN SUAMINYA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli, Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya mengumumkan **iaitu** bersama-sama kita pada hari ini ialah seorang tetamu kehormat **iaitu** Dr. The Hon'ble Najma Heptulla, Naib Pengerusi Rajya Sabha (Dewan Negara), India.

Yang Berhormat Dr. Najma Heptulla akan berada di tanahair kita ini selama satu minggu sebagai tetamu kita. Beliau akan mengunjungi beberapa orang pemimpin negara. Bagi pihak Dewan Negara, saya mengalu-alukan Yang Berhormat Dr. Najma Heptulla dan suaminya Tuan Akbar Heptulla ke negara kita. **[Tepuk]**

**JAWAPAN-JANAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**BELIA - MEMBANTERAS PEHYALAHGUNAAN DADAH**

**1. Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah Kementerian Belia dan Sukan memainkan peranan dengan mendekati dan menasihati para belia yang semakin bertambah bilangannya menjadi penagih najis dadah.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Cik Teng Gaik Kwan]:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha membanteras penyalahgunaan dadah di kalangan belia, Kementerian Belia dan Sukan telah memainkan peranan penting dalam aspek pencegahan. Di antara strategi utama Kementerian ialah menggalakkan para belia memasuki menjadi ahli pertubuhan belia di tempat masing-masing. Di samping itu, Kementerian telah menyediakan pelbagai program dan aktiviti untuk faedah golongan belia. Di antara program-program adalah seperti berikut:-

- (i) Bidang Pembinaan keperibadian Belia;
- (ii) Bidang Latihan Kemahiran Vokasional;
- (iii) Bidang Keusahawanan dan Pertanian;
- (iv) Bidang Aktiviti Sosial dan Rekreasi;
- (v) Bidang Kepimpinan dan Organisasi Belia.

Di dalam pelaksanaan program tersebut, ceramah-ceramah bahaya penyalahgunaan dadah juga diberikan.

Kementerian yakin bahawa dengan adanya aktiviti-aktiviti yang berfaedah di kalangan belia akan memberi kesedaran bahawa dadah merupakan musuh ketat kepada bangsa dan negara.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin soalkan kepada Kementerian berkenaan, memang di mana sahaja kita dengar kata belia ini dinasihatkan supaya masuk persatuan belia. Tetapi dengan adanya bilangan belia yang begitu ramai, yang menjadi ahli sekarang dalam persatuan belia ini boleh dikatakan peratusnya kecil. Maka dengan begitu ramailah belia-belia ini dibiarkan begitu sahaja.

Maksud soalan yang saya kemukakan pada soalan utama itu adalah supaya Kementerian Belia dan Sukan memainkan peranan selain daripada apa yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi agar benar-benar Kementerian itu berusaha membawa kesedaran ataupun usaha mengurangkan - kata hendak hapuskan mungkin mustahil mengurangkan, mengawal penggunaan dadah ini khususnya di kalangan-kalangan belia. Jadi, saya minta penjelasan sedikit kerana saya masih tidak puas hati tentang bilangan belia yang sudah menjadi anggota dalam persatuan belia. Bilangan peratusnya kecil, apakah sudah dibuat oleh Kementerian kerana setakat nasihat sahaja saya tidak fikir itu memadai.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan mengapa bilangan yang kecil sekali menjadi ahli pertubuhan belia ini. Kementerian saya boleh kata tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat kerana memang kalau dipandang pada setiap individu itu berlainan. Akan tetapi Kementerian saya sentiasa berusaha mengadakan program-program baru yang akan memberi faedah kepada belia negara kita mengikut keperluan zaman dari masa ke semasa, dan khususnya program-program yang disebutkan tadi dan ini adalah harapan Kementerian saya - boleh menjauhkan belia kita dari menjadi penagih dadah di negara kita.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan beri tahu Dewan ini sejauhmanakah sumbangan Pegawai Belia Daerah terhadap kegiatan PEMADAM? Adakah mereka dimestikan menjadi ahli-ahli Jawatankuasa PEMADAM di peringkat daerah?

**Cik Teng Gaik Rwan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai di daerah tidak mesti menjadi ahli Jawatankuasa PEMADAM tetapi mereka ada memainkan peranan yang penting di PEMADAM Daerah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan satu lagi soalan tambahan. Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dua soalan kepada sahabat saya. Yang pertama ialah adakah kursus-kursus "counselling" diwujudkan di Kementerian Kebudayaan dan adakah ia meliputi Jabatan-jabatan Kebudayaan Negeri dan Daerah - dengan kursus "counselling", maksud saya ialah "counselling" kemanusiaan dan "counselling" mengenai masalah dadah iaitu dua "course"? Yang kedua, adakah Kementerian beliau juga menyelitkan kempen anti-AIDS dalam masa menjalankan kempen anti dadah?

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan daripada sahabat saya, Kementerian Belia dan Sukan telah membuka dua buah pusat penerangan di Kompleks Dayabumi dan di Sungai Wang Plaza tentang "counselling", Pusat-pusat penerangan ini bertindak untuk mengumpul maklumat dan data melalui borang-borang yang telah diisi oleh belia kerana kita hendak tahu minat dan kehendak belia kita dan kita dapat maklumat yang boleh dikatakan maklumat yang sangat

"accurate". Kita dapati lebih 200 orang belia berminat seni-lukis dan kita buat "counselling" tentang perkara ini. Berkenaan dengan kursus-kursus yang lain, saya tidak bercadang menyebut di sini sebab bilangannya panjang sekali. Memang kita ada Bahagian Rekreasi dan Bahagian "Counselling" untuk belia kita.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua ialah tentang AIDS. Sejauhmana saya tahu Kementerian Belia dan Sukan tidak terlibat dalam masalah ini sebab ini adalah di bawah Kementerian Kesihatan sebab belia yang kita terlibat ialah berumur 16 dan 17 dan tiada berkaitan dengan AIDS dan lain-lain. **[Ketawa]**

#### TANAMAN SEMULA GETAH/KELAPA SAWIT - BANTUAN KEPADA PEKEBUN KECIL

2. **Dr. Nordin Selat** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memberitahu jumlah bantuan wang yang telah dikeluarkan tiap-tiap tahun kepada pekebun-pekebun kecil untuk tanaman semula getah dan kelapa sawit dari tahun 1980 hingga 1988. Tolong nyatakan juga jumlah luas kawasan dan bilangan pekebun yang terlibat.

**Setiausaha Parlimen Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat - beliau sangat aktif bertanya tentang Kementerian saya pada waktu ini, mungkin beliau berminat saya - jumlah bantuan yang dikeluarkan kepada pekebun-pekebun kecil untuk tanaman semula getah dan kelapa sawit daripada tahun 1980 hingga 1988 iaitu selama 9 tahun, ialah hampir \$1 bilion iaitu \$979,262,272. Pecahan mengikut tahun seperti Yang Berhormat kehendaki ialah:

1930	-	\$ 54,519,210
1981	-	\$ 81,914,182
1982	-	\$105,305,904
1983	-	\$110,932,359
1984	-	\$121,809,814
1985	-	\$113,651,191
1986	-	\$120,315,433
1987	-	\$132,212,414
1988	-	\$137,321,752

Mengenai keluasan kawasan pula ialah jumlah kawasan tanaman semula kelapa sawit ialah 69,050.37 hektar yang melibatkan pekebun kecil seramai 28,193 orang manakala tanaman semula getah ialah 164,162.18 hektar yang melibatkan pekebun kecil seramai 98,864 orang.

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah tidak pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen nyatakan adakah kejayaan pekebun-pekebun kecil 100%? Kalau tidak, berapa peratuskah yang mendapat kejayaannya?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sebut 100%, maknanya sempurna sangatlah. Tidak ada benda yang sempurna di dalam dunia ini. Tetapi walaupun tidak sempurna, kita teruskan juga daripada satu masa ke satu masa dan pada keseluruhannya manfaat yang diberikan oleh Kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil menerusi RISDA dan Kementerian saya tentunya telah terbukti membawa kemajuan yang kalau kita menggunakan ungkapan yang tidak terhingga.



**Tuan Azman Atar bin Othman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu lebih jelas daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sejumlah begitu besar Kerajaan telahpun membelanjakan wang untuk membangun negara terutama kepada rakyat-rakyat yang miskin. Di samping Yang Berhormat memberitahu Dewan mengenai perbelanjaan yang telah Kerajaan belanjakan untuk rancangan FELDA dan sebagainya, adakah Kementerian Yang Berhormat sendiri memberitahu kepada seluruh peserta-peserta yang menerima bantuan ini supaya mereka ini benar-benar tahu berterima kasih kepada Kerajaan kerana saya dapati ada di antaranya yang tidak langsung berterima kasih kepada Kerajaan yang selama ini bekerja dan menentukan kebajikan rakyat. Jadi, saya ingin tahu ada atau tidak Kementerian memberitahu kepada rakyat keseluruhan terutama kepada peserta-peserta di atas tindakan Kerajaan untuk membangunkan negara, terutamanya mengenai masalah rakyat?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, setelah kita mendapat dan mengaji kehendak rakyat itulah maka Kerajaan menubuhkan RISDA iaitu mengatasi masalah—masalah berkaitan dengan penanaman semula getah dan kelapa sawit. Jadi, kita bagi pihak Kerajaan memberi kemudahan di dalam berbagai-bagai bentuk latihan, baja dan sebagainya lagi kepada pekebun-pekebun kecil. Kita berharap mereka berterima kasih tetapi hati orang kita tak tahu. Jadi, kalau di antara mereka ini ada yang tidak terima kasih dan menyokong pihak-pihak yang tidak patut mereka sokong, kalau ada begitu dan sekiranya Yang Berhormat tahu dalam perkara **ini**, kita akan berterima kasih kalau Yang Berhormat dapat memberitahu kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua Sila, satu sahaja soalan tambahan lagi.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah bantuan ini merupakan bantuan terus iaitu sebagai 'grant' atau secara lain? Sekiranya secara 'grant', apakah faedah yang Kerajaan dapat daripada bantuan tersebut atau bagaimanakah Kerajaan dapat pulangan dari bantuan tadi?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu cara kita menyampaikan bantuan ialah menerusi subsidi. Subsidi ini tentulah grant kerana kita tidak minta balik apa yang kita beri. Jadi pulangan kepada Kerajaan adalah berbentuk hasil yang banyak daripada pekebun-pekebun kecil itu. Apabila hasil banyak Kerajaan akan mendapatnya daripada segi kuasa pembelian dan juga daripada segi cukai baik secara langsung atau tidak langsung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan kaum wanita.

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Setakat ini berapakah jumlah pungutan yang diambil dari bayaran balik oleh pihak peneroka kepada FELDA?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan asalnya berkaitan dengan RISDA. Jadi, maaflah kerana soalan itu nampaknya lari daripada soalan asal.

#### PELANCONG ASING KE MALAYSIA

3. **Dr Tan Chong Keng** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan rancangan Kementeriannya untuk menarik pelancong-pelancong asing supaya melawat tempat-tempat pelancongan Malaysia. Berkaitan dengan rancangan ini, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki mutu dan taraf (i) pengangkutan awam, (ii) kemudahan hotel dan asrama, (iii) kebersihan alam sekitar, dan (iv) pengiklanan tempat-tempat pelancongan dalam Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan [Tuan Abdul Raman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini memang telah banyak program-program yang telah dilaksanakan oleh

Kementerian ini untuk menarik para pelancong khususnya pelancong-pelancong dari luar negeri untuk mengunjungi negara **ini**. Ini termasuklah program-program pemasaran dan promosi yang dilaksanakan di luar negeri dan juga program-program mempertingkatkan mutu produk-produk pelancongan yang telah sedia ada di dalam negeri dan mengadakan produk-produk pelancongan yang baru.

Berhubung dengan langkah-langkah untuk memperbaiki mutu dan taraf pengangkutan awam, kemudahan hotel dan asrama dan, juga kebersihan alam sekitar sebenarnya tanggungjawab-tanggungjawab ini adalah terletak di bawah tanggungjawab Kementerian-kementerian tertentu termasuk juga Kerajaan-kerajaan Negeri, Kerajaan-kerajaan Tempatan dan sektor-sektor swasta. Walau bagaimanapun, Kementerian ini adalah masih bertanggungjawab untuk menyelaraskan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian-kementerian serta agensi-agensi yang berkenaan untuk memastikan supaya taraf dan mutu pengangkutan awam, kemudahan hotel dan asrama serta kebersihan alam sekitar **sentiasa** dapat dipertingkatkan untuk memberi keselesaan dan kemudahan kepada para pelancong. Usaha-usaha penyelarasan ini adalah dilaksanakan melalui Jawatankuasa Produk Pelancongan dan Jawatankuasa Induk Pelancongan yang telah ditubuhkan oleh Kementerian ini yang keanggotaannya terdiri dari Kementerian-kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri dan sektor-sektor swasta yang berkaitan.

Sungguhpun begitu di dalam keadaan-keadaan tertentu dan di mana perlu, Kementerian ini telah mengambil inisiatif sendiri untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan kepada para pelancong termasuklah mengadakan beberapa langkah seperti kempen Kebersihan Tandas-tandas Awam yang sekarang ini sedang berjalan dan melancarkan program pembinaan chalet-chalet dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat atau MARA di Pulau Tioman.

Di samping itu Kementerian ini melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia atau PKPM telahpun melaksanakan program-program memperkenalkan destinasi-destinasi pelancongan Malaysia kepada para pelancong melalui pengiklanan di dalam media cetak dan media elektronik di luar negeri, ekspo-ekspo pelancongan yang disertai oleh Malaysia di luar negeri dan juga melalui rombongan galakan pelancongan yang dijalankan dari masa ke semasa.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah perbelanjaan yang telah diperuntukkan bagi publisiti untuk menarik pelancong-pelancong asing supaya melawat Malaysia dan berapa buah negara publisiti mengenai Malaysia diadakan?

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mendapat penjelasan mengenai soalan ini kerana publisiti memang kita adakan tiap-tiap tahun. Jadi publisiti untuk tahun bila?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila jawab Yang Berhormat. Sila beri penjelasan.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, publisiti untuk Tahun Melawat Malaysia 1990.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telah mengenalpasti perbelanjaan yang sepatutnya tetapi oleh kerana keadaan kewangan Kerajaan maka sehingga sekarang publisiti untuk perbelanjaan bagigunaan Tahun Melawat Malaysia 1990 ialah \$2.5 juta. Walau bagaimanapun, kita juga menjalankan publisiti melalui peruntukan yang di bawah Perbadanan Kemajuan Pelancongan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat yang membawa soalan -  
Dr. Tan Chong Keng,

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan yang pertama, apakah nilai-nilai dan perkara-perkara yang istimewa berkenaan dengan negara Malaysia yang menjadi tumpuan perhatian pelancong-pelancong asing yang melawat negara kita?

Yang kedua, pada hal negeri-negeri Malaysia berlumba-lumba mengadakan tempat-tempat pelancongan dengan kemudahan-kemudahan yang serba sama. Adakah perkembangan ini merupakan satu pembaziran wang oleh kerana dengan izin, duplicated efforts, sudah dilakukan?

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang berkenaan yang saya tidak tahulah sama ada dia tahu nilai bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang paling istimewa di rantau ini, Dan sebab itu dalam perancangan pelancongan negara kita seperti yang telah saya jawab beberapa hari yang lalu, kita tidak akan memasukkan dalam dasar pelancongan kita nilai-nilai yang bertentangan dengan budaya kita dan nilai-nilai istimewa pada negara kita memanglah banyak. Kita banyak produk-produk pelancongan untuk ditawarkan kepada para pelancong di mana kita mempunyai pantai-pantai yang indah, tempat-tempat yang menarik dan budaya yang istimewa. Sebab itu dalam promosi Tahun Melawat Malaysia 1990, kita memberi penekanan kepada nilai-nilai kesenian dan budaya negara kita kerana kita tahu bahawa ramai pelancong-pelancong berminat datang ke negara kita kerana budaya kita yang indah, rakyat yang baik, yang peramah dan sebagainya.

Sebab itulah kita di sini pun meletakkan kempen kita melalui papan-papan tanda supaya rakyat kita bersedia menerima pelancong dengan ramah mesra dan memberi sokongan yang kuat kepada pelancongan bagi meningkatkan pendapatan negara kita.

Mengenai terdapatnya negeri-negeri berlumba-lumba ataupun adanya unsur duplikasi di dalam produk pelancongan, memang Kementerian menyedari hakikat ini dan sebab itulah saya rasa salah satu sebabnya Kerajaan memberi penekanan dan menubuhkan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan di mana Kementerian juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Induk Pelancongan iaitu di mana selain daripada Menteri, Exco-exco Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mengenai pelancongan menduduki jawatankuasa tersebut dan kita di sini membincangkan supaya produk-produk pelancongan di satu-satu negeri itu jangan diadakan pula di negeri-negeri lain supaya tidak berlaku pertindihan ataupun perlumbaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila satu lagi. Yang Berhormat Tuan Azman Atar Othman.

**Tuan Azman Atar bin Othmaa:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Pelancongan kerana usahanya membuat banyak program untuk menarik pelancong-pelancong luar datang melawat ke negara kita. Selain daripada program yang diatur oleh Kementerian sendiri ada satu program yang boleh dianggap bercanggah sedikit kerana saya pernah dengar ada pelancong takut datang hendak menginap di hotel-hotel kerana ada satu pasukan pencegah maksiat **ini**, selalu pergi check di hotel-hotel. **[Ketawa]** Kalau sekiranya

Kementerian Yang Berhormat tidak tahu perkara **ini**, hari ini saya beri tahu. Saya ingin tahu apakah caranya Kementerian .Yang Berhormat hendak mengatasi perkara ini supaya pelancong tidak takut hendak menginap di hotel-hotel kerana pencegah maksiat ini.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, kalau orang tidak buat maksiat dia tidak takut hendak duduk di hotel [**Ketawa**]. Kementerian pun tidak bercadang untuk menggalakan maksiat sebagai satu unsur pelancongan. Itulah kita kata kita tidak mempunyai tujuan untuk menggalakan maksiat di dalam negara kita.

#### PERDAGANGAN DOA HALA CHINA-MALAYSIA

4. **Tuan K. Sivalingam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah perkembangan yang baru di negeri China akan menjejaskan perdagangan dua hala antara negeri China dan Malaysia.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato' Kok Wee Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, pihak Kerajaan telah mengeluarkan kenyataan bahawa apa yang berlaku di negeri China baru-baru ini adalah urusan dalam negeri itu sendiri. Pada masa yang sama Kerajaan dapati dari pengumuman oleh pihak berkuasa China tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan perubahan dalam dasar perdagangan luar negeri tersebut. Justeru itu perkembangan yang baru di negeri China secara keseluruhannya tidak akan menjejaskan perdagangan dua hala antara negeri tersebut dan Malaysia.

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.4 TAHUN 1979 - PINDAAN**

5. **Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Perdana Mentari menyatakan perkembangan mengenai cadangan Kerajaan untuk meminda Pekeliling Perkhidmatan Bil.4 Tahun 1979 dan nyatakan bilakah ia akan berkuatkuasakan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato Ariffin bia Raja Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya Kerajaan telah bersetuju meminda Pekeliling Perkhidmatan Bil.4 Tahun 1979. Bagaimanapun pindaan kepada Pekeliling Perkhidmatan yang berkenaan adalah memerlukan Perintah Am Bab 'A' (Lantikan dan Kenaikan Pangkat), 1973 dipinda terlebih dahulu. Dengan demikian maka pindaan itu akan dilaksanakan sebaik sahaja Perintah Am berkenaan siap dipinda kelak.

Sementara ini Pekeliling Perkhidmatan Bil.4 Tahun 1979 masih berkuatkuasa.

**KEMALANGAN DI LOMBONG EMAS LUBUK MANDI**

6. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-
- (a) setakat ini berapa kematian yang diakibatkan oleh kemalangan-kemalangan yang berlaku di lombong-lombong emas di Terengganu sejak permulaan mendulang emas di situ;
  - (b) bilangan orang yang masih meneruskan aktiviti di lombong-lombong emas di Tertngganu; dan
  - (c) adakah Kerajaan menugaskan pegawai-pegawai ke lombong-lombong itu untuk memeriksa sama ada lombong-lombong itu selamat untuk mendulang emas.

**Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) sehingga akhir bulan April, 1989, jumlah kematian terkumpul akibat daripada kemalangan-kemalangan di lombong emas Lubuk Mandi di Terengganu adalah 9 orang iaitu 3 orang pada 26hb Februari, 1989 dan 6 orang pada 28hb April, 1989;



(b) sejak 1hb Jun, 1989, pihak Kerajaan Negeri telahpun menutup kawasan tersebut kepada semua aktiviti perlombongan. Pihak polis dan pasukan petugas khas yang ditubuhkan telah diarah untuk menguatkuasakan penutupan tersebut;

(c) Suka saya jelaskan di sini bahawa kaedah melombong emas yang dijalankan di kawasan Lubuk Mandi di Terengganu adalah berlainan dengan kaedah mendulang yang sebenarnya. Kaedah mendulang yang dijalankan sepatutnya terhad di kawasan-kawasan sungai dan anak-anak sungai sahaja. Tetapi di Lubuk Mandi, para pendulang telah mula mengorek di kawasan-kawasan bukit yang berhampiran sehingga ke dalaman 15 meter untuk mendapatkan tanah berbijih untuk didulang. Kaedah yang dijalankan di situ melibatkan kerja-kerja pengorekan yang boleh ditafsirkan sebagai kaedah lombong kolong (underground mining). Tanah yang mengandungi bijih emas yang dikorek kemudiannya diangkut ke sungai untuk didulang.

Kaedah pengorekan yang dijalankan adalah merbahaya dan tidak menghiraukan faktor-faktor keselamatan. Selepas kemalangan pertama dahulu pihak Institut Penyelidikan Galian telahpun menyatakan bahawa kaedah yang dijalankan adalah merbahaya tetapi amaran tersebut tidak dihiraukan.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Yang Berhormat sediatahu dan maklum, bila sesuatu orang yang cuba melombong emas, apabila dia kena emas dia jadi demam emas. Bila dia demam dia sudah menjadi orang gila, keselamatan tidak menjadikan faktor di atas kerja-kerja

mereka. Pemeriksaan teliti lubang-lubang tersebut tidak dijalankan memandangkan lubang-lubang tersebut dikorek secara haram serta membahayakan dan ini menyukarkan pemeriksaan secara selamat.

Pihak Kerajaan Negeri telahpun menubuhkan satu pasukan petugas khas bagi mengawasi aktiviti perlombongan di kawasan tersebut. Walaupun pasukan petugas khas yang ditubuhkan mengandungi seramai 36 orang di mana 18 daripadanya merupakan kakitangan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan selebihnya daripada Pejabat Daerah Marang. Namun demikian, disebabkan oleh kawasan yang terlibat adalah luas serta bilangan pelombong yang ramai, dari apa yang saya tahu beribu-ribu, pengawasan yang sempurna tidak dapat dijalankan. Keadaan ini ditambah lagi dengan adanya ramai para pelombong yang tidak berlesen.

**Puan Hajjah Rogayah Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tidakkah Kerajaan bercadang memberi peluang kepada Majlis Daerah yang terlibat mengendalikan pengorekan pasir-pasir yang mengandungi emas dengan excavator, dengan izin, atau dengan penggalian moden dan menjualkan kepada pendulang-pendulang dengan harga yang berpatutan, mudah-mudahan dengan cara ini ramailah mereka yang berminat mendulang akan menikmati hasil secara menyeluruh dan tidak terdedah kepada bahaya lagi?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya mahu jelaskan kepada Yang Berhormat ialah kuasa untuk mengeluarkan lesen adalah kuasa Kerajaan Negeri dan apa yang saya tahu ialah Kerajaan Negeri mengeluarkan banyak lesen untuk mendulang dengan tujuan untuk memberikan peluang yang lebih kepada orang-orang berpendapatan rendah untuk mencari makan dari mendulang emas, Mengenai cadangan tadi, saya tidak tahulah sama ada ianya disampaikan

kepada Kerajaan Negeri atau tidak. Jika ada dan Kerajaan Negeri memikirkan ianya adalah baik, mungkin Kerajaan Negeri boleh mengeluarkan lesen kepada orang-orang tertentu untuk menggunakan traktor-traktor untuk mengorek tanah untuk mendapatkan emas.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah agaknya Kerajaan mengetahui berapakah hitung panjang pendapatan seseorang pelombong itu?

Kedua, adakah Kerajaan bersetuju bahawa punca kemalangan ini, adalah kerana Kerajaan Negeri Terengganu tidak berunding dengan Kerajaan Pusat apabila perusahaan itu dimulakan pada awal tahun dahulu?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Taik:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa-apa fakta atas pendapatan yang mereka boleh dapat. Barangkali ini boleh didapati dari Pejabat Tanah di Marang, Terengganu. Kerajaan Pusat ada berbincang dengan Kerajaan Negeri Terengganu atas cara untuk melombong emas, tetapi, seperti yang saya jelaskan tadi, Kerajaan Negeri adalah kuasa untuk menentukan cara-cara melombong dan mendulang dan jika Kerajaan Negeri memilih cara ini dan memberikan lesen kepada orang-orang tertentu untuk mendulang emas, ini adalah kuasa Kerajaan Negeri dan tugas kita di Kementerian Perusahaan Utama adalah untuk memberi nasihat kepada mereka berkaitan dengan keselamatan pelombongan itu.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mendapat penerangan dari Menteri Perusahaan Utama sendiri iaitu apakah sebelum kejadian itu berlaku pihak Kementerian ini telah memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri di mana cara perlombongan itu buat, korek lubang begitu dalam itu merbahaya. Satu soalan.

Soalan yang kedua, sejauh mana kuasa Kementerian Perusahaan Utama ini ke atas lombong ataupun tanah lombong yang terdapat di negeri Terengganu ataupun di negeri-negeri lain. Pada hemat saya, apa yang saya dengar Menteri berkenaan bercakap seolah-olah hanya semata-mata memberi nasihat. Jadi, butiran nasihat ini tidak disebut kecuali kementerian yang berkenaan memberi nasihat dalam bentuk butiran yang bertulis sekurang-kurangnya bersekali dengan plan cara korek lombong yang tidak merbahaya. Yang selalu berlaku, apabila tragedi itu ada berlaku, Kementerian yang berkenaan saya rasa, kurang bertanggungjawab menasihati Kerajaan Negeri dengan sungguh-sungguh sekalipun kuasa ini ada pada Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Apa yang dituduhkan oleh Yang Berhormat itu tidak benar. Sebenarnya bila Kemalangan yang percama pada 26hb Februari terjadi, Kementerian Perusahaan Utama telah menghantar pegawai dari Institut Penyelidikan Galian untuk menyiasat masalah perlombongan di Lubuk Mandi dan nasihat yang diberikan kepada Kerajaan Negeri ialah untuk mengawasi keadaan yang sebenarnya. Mereka yang beri lesen patut hanya untuk mendulang dan tidak termasuk mengorek tetapi sebab apa yang saya jelaskan, kawasan itu luas, orang pun ramai sehingga ramai yang tidak mempunyai lesen dan

sebab kawalan tidak dibuat walaupun ada pasukan petugas khas untuk mengawal keadaan itu. Akhirnya, kemalangan berlaku pada 28hb April, ini atas kawalan dan tugas atau tanggungjawab untuk mengawal adalah dari pihak Kerajaan Negeri .

Tetapi kita tidak salahkan kepada sesiapa bila berlaku tragedi di sesuatu tempat. Tujuan Kerajaan Negeri adalah baik iaitu untuk membuka kawasan Lubuk Mandi untuk ramai orang. Dengan cara mendulang emas, mereka boleh mencari pendapatan untuk keluarga mereka. Tetapi bila sampai sesuatu kejadian yang mana ramai orang datang, dengan kawalan yang susah dan kemudian kemalangan sudah terjadi. Sebab itu, pada 1hb Jun, Kerajaan Negeri telah memberhentikan semua kerja di kawasan itu dan menunggu satu Jawatankuasa untuk mengkaji dan apa yang saya tahu, Kerajaan Negeri Terengganu akan membuka balik kawasan itu untuk dilombong dengan cara mendulang dan diharaplah dengan pengalaman itu, pengawalan akan dijadikan lebih baik pada masa akan datang.

#### **TAAT SETIA KEPADA IBU-BAPA**

7. **Tuan C. Krishnan** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan "taat setia kepada ibubapa" ataupun "menghormati orang tua" sebagai prinsip yang keenam dalam Rukun Negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan tidak bercadang untuk memasukkan sikap hormat dan taat setia kepada ibu-bapa sebagai salah satu prinsip dalam Rukun Negara.

Kerajaan berpendapat bahawa prinsip Rukun Negara yang kelima

iaitu Kesopanan dan Kesusilaan telah merangkumi sifat-sifat yang murni tersebut.

#### AL-ARQAM - KEGIATAN PEMIMPIN

8. **Puan Ainon Ariffin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tidaklah Kementerian itu bercadang untuk mengambil tindakan menahan kegiatan-kegiatan pemimpin utama Arqam dari berleluasa menjalankan ajaran sesat di antaranya mengorbankan ramai wanita-wanita Islam di Malaysia dan di luar negeri.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kegiatan-kegiatan pemimpin-pemimpin Al-Arqam yang menyeleweng dari aqidah dan syariah Islam adalah berkisar di sekitar buku karangan pemimpin utamanya, Haji Ashaari Muhammad yang berjudul Aurad Muhammadiyah.

Kerajaan telahpun mengambil tindakan mengharamkan buku tersebut selaras dengan fatwa yang diluarkah oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada 6hb Oktober 1986. Langkah-langkah juga diambil untuk menerbitkan dan menyebarkan buku-buku dan risalah-risalah yang menjelaskan penyelewengan serta pertentangan yang terkandung dalam buku tersebut.

Selain daripada **itu**, untuk menyekat perkembangan fahaman Aurad Mohammadiyah, pihak Kerajaan juga telah membatalkan permit penerbitan akhbar dan majalah seperti Al-Munir dan Al-Ain pada 15hb November 1988, Al-Arqam pada 30hb November 1988, Al-Mukminah pada 31hb Disember 1988, Mingguan Islam pada 12hb Januari 1989.

Tuan yang di-Pertua, memandangkan kegiatan-kegiatan Al-Arqam

bukan sahaja boleh memesongkan aqidah umat Islam tetapi juga berpotensi menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam. Maka Kerajaan sentiasa memerhati dan mengawasi kegiatan para pemimpinnya. Sekiranya didapati kegiatan pemimpin tersebut boleh menimbulkan mudarat pada keselamatan dan ketenteraman awam, maka tindakan sewajarnya akan diambil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Kementerian berkenaan tidak mahu menimbang dengan serius pendedahan yang dibuat oleh bekas anggota Al-Arqam, Dato' Profesor Haji shahnon bin Ahmad baru-baru ini berkaitan pertama, poligami Arqam membawa kemudaratan lebih daripada kebahagiaan. Kedua, anggota-anggota Al-Arqam menyimpang dari amalan aqidah sebenar. Terima kasih.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kementerian mengambil begitu berat akan pendapat-pendapat daripada pihak-pihak yang berkenaanlah maka buku Aurat Muhammadiyah itu telahpun diharamkan dan beberapa majalah-majalah dan suratkhbar seperti yang saya nyatakan itu diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Azman Atar bin Othman.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri, tadi, Yang Berhormat telahpun menyebut bahawa telah terbukti karangan buku daripada pemimpin Arqam itu adalah diharamkan. Bahawa apabila sudah diharamkan, sepatutnya pihak Kementerian Dalam Negeri atau pihak polis telahpun menangkapnya. Adakah Kerajaan tidak mahu menangkapnya kerana kita punya undang-undana ISA yang tidak begitu

ketat lagi takut dia dicabar ke mahkamah ataupun selepas undang-undang ini kita luluskan di Dewan Negara ini baru kita hendak buat penangkapan? Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, yang salah ialah buku Aurad Muhammadiyah maka itulah sebabnya kita mengharamkan buku Aurad Muhammadiyah itu dan kalau kita ikut seperti apa vana dikatakan oleh Yang Berhormat, tidakkah terfikir kepada Yang Berhormat bahawa pemimpin kita dahulu bukunya pun pernah diharamkan tetapi dianya tidak ditangkap?



**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berkaitan dengan pengorbanan wanita Islam. Pertama dia boleh dibuat sesuka hati iaitu poligaminya begitu berleluasa.

Yang kedua, dia boleh nikah muta'ah, sudah jemu boleh nikah lain, ini berlaku di dalam al-Arqam dalam negeri kita ini, apakah ini akan dibiarkan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada pihak yang benar-benar berani ke depan untuk menceritakan yang sebenar-benarnya berlaku sepertimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat itu, itulah sebabnya pihak Kementerian Dalam Negeri tidak dapat berbuat apa-apa. Geperti Buku Aurat Muhammadiyah ini dapat kita baca, dapat kita lihat, dapat kita oleh, dapat kita kaji, dapatlah kita mengambil tindakan. Tetapi kadang-kadang apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat kita dengar sahaja, tetapi kalau ada pihak wanita yang telah teraniaya, telah terkorban tampil ke hadapan menceritakan yang sebenar siapa yang bertanggungjawab, siapa yang suruh dia kahwin, siapa suami-suami dia dari sebagainya, bolehlah kita menyiasat secara rapi dan bolehlah kita membuat tindakan.

#### LEBUHRAYA PAGOH - AIR HITAM

9. **Tuan Haji Abd. Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah lebuhraya Pagoh-Air Hitam dijangka siap dan sehingga ini apakah kemajuannya.

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rangkaian Lebuhraya

dari Pagoh-Air Hitam-Johor Bahru dijangka siap keseluruhannya pada tahun 1993. Rangkaian ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat yang terdiri daripada beberapa package.

Pada penghujung tahun ini Plus Bhd., akan memulakan kerja bagi bahagian Pagoh-Yong Peng dan dijangka siap pada tahun 1992. Manakala Bahagian Yong Peng-Air Hitam akan mula dilaksanakan pada tahun 1991.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah sebab-sebab kelewatan pelaksanaan Lebuhraya daripada Pagoh-Air Hitam memandangkan ini adalah satu Lebuhraya yang amat penting.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum banyak faktor-faktor yang menyebabkan kelambatan pembinaan Lebuhraya-lebuhraya ini. Satu oleh kerana kita telah mengalami kemelesetan ekonomi pada satu ketika beberapa tahun yang lampau dan juga ada syarat-syarat tertentu yang akan ditentukan terlebih dahulu daripada pihak Plus Bhd., dengan Kerajaan dan ada juga perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan. Itulah sebabnya kelambatan dalam pembinaan Lebuhraya tersebut.

**Tuan Sivalingam:** Soalan tambahan. Adakah cadangan untuk menambah had laju dari 110 kilometer di Lebuhraya?

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang apa yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan terhadap had laju ini kita hatiya mengikut had laju **itu**, belum ada apa cadangan yang **lain**, yang akan dibuat pada ketika ini.

**PEKERJA MENGANGGOR**

**10. Tuan Ng Peng Hay** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bilangan pekerja-pekerja yang menganggur dan kadar pengangguran sehingga akhir bulan Jun, 1989 mengikut negeri-negeri di seluruh Malaysia.

**Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, kadar dan bilangan penganggur bagi negeri-negeri pada tahun 1989 belum dapat dianggarkan buat masa ini memandangkan sentiasa terdapat perpindahan atau mobiliti penganggur antara negeri-negeri di negara ini dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, pada tahun **ini**, bagi negara keseluruhannya kadar pengangguran dianggarkan sebanyak 7.9%. Mengikut bilangan, jumlah penganggur adalah seramai 537,000.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan, Menteri membuat penjelasan bahawa memandangkan masih ada 537,000 penduduk-penduduk kita dalam keadaan menganggur, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa baru-baru ini di negeri Johor dan Pulau Pinang yang mana ada setengah kilang telah mengiklankan kerja kosong melalui siaran akhbar, tetapi masih belum mendapatkan pekerja-pekerja. Adakah disebabkan orang yang menganggur ini sangat memilih pekerjaan ataupun kerana bayaran gaji yang dikeluarkan dibayarkan kepada pekerja kita ini terlalu rendah?

**Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan ada kilang-kilang yang mengiklankan untuk mendapat pekerja tetapi

belum dapat pekerja, saya ingat ini mungkin ada masalah-masalah tertentu. Sebagaimana yang termaklum bahawa bilangan pekerjaan di dalam negara banyak, tetapi atas sebab-sebab tertentu mungkin sebab jauh tempat kerja dan ada kerja-kerja yang tidak diminati oleh pihak-pihak tertentu, maka mereka tidak dapat memenuhi pekerjaan yang telah diiklankan.

Sebagaimana yang kita lihat di kawasan-kawasan pertanian, khususnya di ladang-ladang masih memerlukan pekerja-pekerja, hinggalah kita terpaksa menghalalkan orang-orang yang datang daripada negara-negara luar.

#### **SUBSIDI MENTERNAK IKAN**

11. **Puan Hajjah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan perusahaan ikan air tawar dan udang setelah diberi subsidi;
- (b) berapakah jumlah hasil purata tahunan; dan
- (c) benarkah banyak terdapat perusahaan ini terbengkalai dan apakah sebab-sebabnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Ong Tin Kim]:** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Rancangan Subsidi Menternak Ikan di kalangan petani telah dilancarkan di akhir Rancangan Malaysia Kedua oleh Jabatan Perikanan. Di antara tujuan rancangan ini ialah untuk:
  - (i) menampung kekurangan sumber protin negara, terutamanya di kawasan luar bandar;
  - (ii) meninggikan taraf sosio-ekonomi golongan petani melalui penggunaan kawasan terbiar; dan
  - (iii) mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan petani.

Hasil dari Rancangan Subsidi Menternak Ikan ini, kita dapati perusahaan menternak ikan air tawar dan udang telah berkembang. Dalam tempoh Rancangan Subsidi Menternak Ikan. Kerajaan telah membiayai pembinaan 8,650 kolam seluas 1,669 hektar yang melibatkan 8,485 orang petani.

Hasil dari Rancangan Subsidi Menternak Ikan ini juga telah menggalakkan lagi pembangunan perusahaan ternakan ikan air tawar dan udang. Selain dari meningkatkan bilangan kolam yang telah dibuka, ia juga menambah peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk di kawasan, luar bandar.

Bagi soalan (b), Tuan Yang di-Pertua, satu kajian yang dibuat oleh Kerajaan pada tahun 1981 ke atas petani-petani yang telah mendapat bantuan subsidi ini kita mendapati:

- (i) pendapatan mereka telah bertambah;
- (ii) perbelanjaan harian yang dikeluarkan oleh mereka bagi membeli lauk semakin berkurangan setelah menyertai rancangan ini;
- (iii) rancangan ini dapat memberi mereka peluang pekerjaan.

Dari satu kajian oleh Jabatan Perikanan pada 1980 kita mendapati mereka yang mengusahakan kolam seluas 0.1 hektar (0.25 ekar) boleh memperolehi hasil bersih di antara \$338.00-\$589.00 semusim ataupun \$690.00 bagi 16 buah sangkar.

Mengenai soalan (c), Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kajian oleh Jabatan Perikanan mendapati kira-kira 10% dari bilangan kolam atau keluasan kolam adalah terbiar atau tidak diusahakan kerana aebab-sebab soaio-ekonomi, sebab-sebab

pengurusan, sebab-sebab teknikal dan juga sebab-sebab pemasaran,

Sebab-sebab sosio-ekonomi ialah seperti pengusaha berpindah kerana mendapat kerja lain, kolam terletak di kawasan yang terpencil,

Sebab-sebab pengurusan ialah seperti hasil-hasil yang tidak memuaskan kerana pengurusan yang tidak menmaskan ataupun kerana pengurusan yang tidak diambil berat.

Sebab-sebab teknikal ialah tiada bekalan air yang cukup, kejadian banjir dan kolam pecah; dan

Sebab-sebab pemasaran ialah seperti harga pasaran ikan yang diternak terlalu rendah dan kekurangan permintaan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga kira-kira 15% dari bilangan kolam atau keluasan kolam yang tidak aktif kerana tuan punya kolam tidak menjalankan usaha ternakan secara bersungguh-sungguh atau tidak tetap dan ada yang mengusahakan sebagai hobi sahaja.

**GURU-GURU SISWAZAH**

12. **Dr Ng Khok Kiung** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan guru-guru siswazah baru yang diperlukan bagi sekolah-sekolah menengah bagi tahun 1989 dan tahun-tahun yang akan datang;
- (b) peratusan di antara guru-guru sastera dan sains yang terdapat di sekolah-sekolah menengah; dan
- (c) adakah kesemua pemegang-pemegang Diploma Pendidikan yang baru-baru saja keluar dari universiti atau institusi akan diambil sebagai guru-guru tetap. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) bilangan guru-guru siswazah yang diperlukan bagi sekolah-sekolah menengah berdasarkan kepada nisbah guru/kelas yang baru mulai tahun 1990 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Guru Siswazah</b>
1990	2,823 orang
1991	3,610 orang

- (b) Peratusan di antara guru Sastera dan Sains di sekolah-sekolah menengah mengikut stock pada tahun 1988 ialah guru Sains Siswazah 37% dan guru Sastera Siswazah 63%.
- (c) Bukan semua guru-guru siswazah yang memegang Diploma Pendidikan akan diambil sebagai guru-guru tetap. Pengambilan pemegang-pemegang Diploma Pendidikan yang keluar dari universiti atau institusi akan diambil sebagai guru tetap mengikut keperluan matapelajaran dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pandikar Amin bin Haji Mulia.

**Dr Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke-13.

**JALANRAYA TELUPID/SANDAKAN/LAHAD DATU**

13. **Dr Tan Chong Keng [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada kelambatan untuk menyiapkan jalanraya dari Sandakan ke Lahad Datu dan dari Telupid ke Sandakan kesemuanya **berpunca** daripada keadaan cuaca atau sebahagian berpunca daripada kurang cekapnya kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja-kerja. Sekiranya kelambatan ini berhubungkait dengan kurang cekap kontraktor-kontraktor, apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]:** Tuan Yang di-Pertua kelewatan pembinaan jalanraya Telupid/Sandakan/Lahad Datu



bukan sahaja disebabkan oleh kontraktor-kontraktor tetapi juga disebabkan oleh kesukaran perhubungan, keadaan cuaca yang buruk dan kekurangan bahan binaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengarahkan kontraktor untuk mempercepatkan kerja-kerja mereka. Setakat ini kontraktor-kontraktor telah menunjukkan kemajuan ke atas kerja-kerja mereka. Langkah terakhir yang akan diambil sekiranya kontraktor masih gagal menunjukkan kemajuan ialah menamatkan kontrak mereka.

#### PESAKIT BATUK KERING

14. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah kes batuk kering dan barah paru-paru yang dikesan seluruh negara dalam masa 5 tahun yang lalu;
- (b) jumlah kematian berpunca daripada penyakit berkenaan dalam tempoh tersebut; dan
- (c) usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan untuk menyedari orang ramai tentang bahayanya

penyakit ini.

**Setiausah Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Chua Jui**

**Meng]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pesakit-pesakit batuk kering dan barah paru-paru yang dikesan di seluruh negara dalam masa 5 tahun yang lalu adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Pesakit Batuk Kering Dikesan</b>	<b>Jumlah Pesakit Barah Paru-Paru</b>
1984	6,314	2,011
1985	6,682	2,060
1986	6,653	2,525
1987	6,924	2,871
1988	6,718	2,978

- (b) Jumlah kematian berpunca daripada pesakit batuk kering dan barah paru-paru dalam tempoh 5 tahun yang lalu adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Kematian Kes Batuk Kering</b>	<b>Jumlah Kematian Kes Barah Paru-Paru</b>
1984	831	251
1985	855	269
1986	802	397
1987	857	441
1988	837	429

- (c) Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menyedari orang ramai dan mengelakkan penyakit batuk kering daripada merebak lagi, adalah:-

- (i) program pendidikan kesihatan di hospital-hospital di mana pesakit-pesakit diberitahu dengan mendalam mengenai penyakit TB, rawatan dan masalah-masalah yang berkaitan;

- (ii) kemudahan untuk program-program pengawalan penyakit TB telah disepadukan dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain di hospital dan pusat kesihatan supaya pesakit-pesakit dapat dikesan dengan awal, menerima rawatan yang mencukupi dan diawasi dengan rapi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
  - (iii) pihak awam seperti Persatuan Pesakit Batuk Kering (MAPTB) telah digalakkan bersama dalam pengawalan penyakit ini. Mereka memberi bantuan sosial dan kewangan kepada pesakit-pesakit yang memerlukannya,
- Bagi penyakit barah paru-paru pula, perkara-perkara berikut telah dilaksanakan:-
- (i) memberi pendidikan kesihatan kepada orang-orang awam untuk menyedari mereka tentang merbahayanya aktiviti merokok dan penyakit-penyakit yang mungkin dihadapi oleh perokok-perokok;
  - (ii) kempen mencegah merokok di tempat-tempat awam dan pejabat-pejabat Kerajaan di seluruh negara dan mengadakan Minggu Mencegah Merokok oleh Jabatan-jabatan Kerajaan dan pihak swasta; dan
  - (iii) amaran kesihatan pada kotak-kotak rokok seperti "Merokok Membahayakan Kesihatan".

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No.15 hingga 50 adalah]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA, KAWALAN  
PERTUKARAN WANG, INSURANS DAN TAKAFUL (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," [10hb **Julai**, 1989]

**Perbahasan disambung semula.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya persilakan Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy untuk menyambung ucapan.

3.39 ptg.

**Puan Valli Muthusamy:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak umpama di mana wakil-wakil mereka gagal atau lalai mengemukakan bayaran premium yang dipungut sehingga menyebabkan orang yang membeli insurans itu menderita. Ketua Pengarah Insurans harus mewajibkan supaya kesemua syarikat insurans am mendapat kelulusan Bank Negara sebelum melantik- mana- mana penanggung-penanggung wakil-wakil atau wakil-wakil kecil.

Berhubung dengan ini saya juga ingin membawa ke perhatian Kerajaan terhadap kedudukan sedih mangsa-mangsa kemalangan jalan-  
raya. Terdapat beberapa contoh, di mana setengah syarikat-syarikat  
insurans itu dengan cara yang tidak patut melambatkan pembayaran  
gantirugi walaupun setelah diserahkan perintah Mahkamah untuk menye-  
lesaikan pembayaran tersebut. Terdapat banyak aduan kepada Ketua  
Pengaruh Insurans tetapi masih ada setengah daripada syarikat  
syarikat insurans yang tidak meracuni arahan ke kua pengarah insurans  
dan mengambil sesuka masa mereka untuk membayar. Saya meminta  
Ketua Pengarah Insurans supaya mengambil tindakan yang keras ter-  
hadap syarikat-syarikat insurans yang tidak memenuhi kewajipannya  
dengan membatalkan lesen mereka,

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, Kerajaan Barisan Nasional ingin  
melihat penyusunan kaum dibayangkan di sektor swasta, tetapi saya  
kesal untuk mengemukakan bahawa pengambilan kaum India untuk  
bekerja dalam pengurusan dan eksekutif dalam bank-bank, institusi-  
institusi kewangan, koperasi dan syarikat-syarikat insurans tidak  
memuaskan. Saya harap Bank Negara dapat memastikan bahawa bilangan  
orang India yang diambil untuk bekerja dalam sektor ini bertambah.

Dengan kata-kata ini saya menyokong sepenuhnya Rang Undang\*  
undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi Yang Berhormat hendak berucap?  
Jika tidak ada, dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk men-  
jawab. Silakan.

**3.43 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan  
Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih  
kepada Yang Berhormat Senator Puan Valli Muthusamy yang telah meng-  
ambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam ucapan saya semalam, tujuan utama Rang Undang-undang ini adalah untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit ke atas Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 bagi menyesuaikan dengan tafsiran-tafsiran dan rujukan yang terdapat dalam Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 yang telah diluluskan oleh Dewan ini semalam. Dengan itu Rang Undang-undang ini tidak melibatkan perubahan-perubahan besar ke atas perkara-perkara dasar yang diliputi oleh Ordinan berkenaan dan Akta-akta lain yang terlibat di dalam pindaan ini. Walau bagaimanapun, ingin juga saya memberi penjelasan ke atas perkara-perkara penting yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Puan Valli Muthusamy semalam dan juga sebentar tadi.

Antara lain Yang Berhormat Senator Puan Valli Muthusamy mencadangkan penubuhan sebuah Jemaah Pemeriksa untuk mengawasi dan memeriksa institusi-institusi kewangan. Kementerian Kewangan berpendapat Jemaah Pemeriksa itu tidak perlu diwujudkan. Ini adalah kerana pada masa ini Bank Negara telahpun mempunyai satu bahagian pemeriksaan yang khusus untuk mengawasi dan memeriksa institusi-institusi kewangan termasuk Bank, syarikat kewangan dan syarikat insurans. Dengan adanya kuasa Undang-undang baru yang diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, pengawasan dan pemeriksaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi bagi mengawasi kelemahan dan masalah yang berlaku dalam institusi-institusi kewangan.

Yang Berhormat Senator Puan Valli Muthusamy juga mencadangkan supaya polisi insurans, khususnya insurans motor dikaji semula bagi memberi perlindungan secukupnya kepada pemegang-pemegang polisi. Mengenai cadangan ini sukacita saya maklumkan bahawa pihak Bank

Negara pada masa ini sedang menyemak semula Akta Insurans 1983 bagi memperbaiki lagi perkhidmatan insurans di negara **ini**, termasuk soal perlindungan kepada pemegang-pemegang **polisi**.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Senator Puan Valli Muthusamy berkenaan dengan pengambilan kaum India di sektor Bank dan institusi kewangan, perkara ini pihak Kerajaan akan mengkaji dari masa ke semasa dan akan memberikan perhatian tentang perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, demikian sahajalah perkara yang dapat saya berikan ulasan daripada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang terhormat Senator Puan Valli Muthusamy. Kalau sekiranya perkara yang saya ulas tadi, belum terjawab keseluruhannya perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator, perkara ini telah diambil perhatian dan dicatitkan oleh Pegawai-pegawai di Kementerian dan kita akan mengkaji masalah-masalah yang telah dibangkitkan itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 35** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.



**RANG UNDANG-UNDANG PERTARUHAN (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Pertaruhan (Pindaan) 1989 iaitu suatu Akta untuk meminda Ordinan Pertaruhan 1953 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini telah banyak dikemukakan saranan serta desakan oleh berbagai pihak termasuklah Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini yang mahukan Kerajaan mengambil sesuatu tindakan yang tegas bagi mengawal dan mengurangkan kegiatan judi. Sebagai sebuah Kerajaan yang sentiasa pcka terhadap pandangan serta saranan yang membina dari mana-mana pihak maka tindakan mengemukakan pindaan-pindaan kepada Ordinan ini dan juga Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 diambil bagi menyahut saranan-saranan serta seruan yang telah dikemukakan kepada pihak Kerajaan. Tindakan meminda kedua-dua Undang-undang ini yang meningkatkan lagi denda serta hukuman kepada kesalahan-kesalahan di bawah kedua-dua Akta ini adalah merupakan tindakan tegas yang diambil di samping beberapa langkah untuk mengawal kegiatan perjudian, terutamanya judi dan pertaruhan haram yang pernah diumumkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada laporan-laporan yang diterima daripada pihak penguatkuasa adalah didapati bahawa bilangan kes yang melibatkan judi dan pertaruhan haram adalah meningkat sejak beberapa tahun ini. Tangkapan oleh pihak Polis telah meningkat daripada 4,958 kea dalam tahun 1986 hingga ke 8,350 kes dalam tahun 1988. Andainya tiadakan untuk membendung kegiatan judi dan pertaruhan harant ini tidak diambil negara, ia akan menyulitkan lagi masalah ini di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan Singapura telah memperketatkan undang-undang berkaitan dengan rumah perjudian terbuka dan pertaruhan dengan memperuntukkan penalti minimum dan hukuman penjara mandatori bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengannya. Adalah dikhuatiri sindiket-sindiket yang beroperasi di Singapura akan memindahkan kegiatan mereka ke negara-negara dan negeri-negeri yang berhampiran untuk mengelakkan undang-undang yang ketat di Singapura. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku dan ianya dapat dibendung di peringkat awal lagi, adalah difikirkan perlu diambil tindakan memperketatkan peruntukan-peruntukan undang-undang negara kita **ini**, khususnya Ordinan Pertaruhan 1953 dan juga Akta Ramah Perjudian Terbuka 1953.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kedua-dua Akta ini mula berkuatkuasa hingga masa **ini**, nilai matawang kita telah menurun dan dengan yang demikian hukuman-hukuman denda yang diperuntukkan di dalamnya berbanding dengan keadaan semasa adalah tidak lagi **realistik**, terutamanya hukuman-hukuman ini adalah terhadap kesalahan-kesalahan yang melibatkan jumlah wang yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada tindakan-tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang melibatkan diri dalam kegiatan judi dan pertaruhan haram adalah didapati bahawa pada lazimnya ramai di kalangan yang tertangkap adalah orang-orang suruhan dan tidak ketua-ketua sindiket yang menganjur serta membiayai operasi tersebut. Oleh kerana denda dan hukuman yang dikenakan ke atas mereka mengikut peraturan undang-undang yang sedia ada tidak tinggi dan berat, kebiasaannya orang-orang suruhan ini bersedia menghadapi risiko kerana mereka tahu yang ketua sindiket akan membantu mereka untuk membayar denda tersebut. Adalah diharapkan dengan dikenakan

denda minimum serta hukuman penjara mandatori yang dicadangkan **ini**, ianya akan dapat mengurangkan golongan orang suruhan ini daripada melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan judi dan pertaruhan haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hanya memperuntukkan hukuman maksimum tidak dapat menjamin kejayaan untuk mendapat satu hukuman yang setimpal dengan kesalahan kerana apa-apa hukuman yang dijatuhkan berasaskan kepada peruntukan maksimum akan bergantung kepada budibicara mahkamah dan di dalam banyak hal mungkin hasrat untuk mendapat satu hukuman yang betul-betul menggambarkan ketegasan pihak Kerajaan untuk membanteras aktiviti judi dan pertaruhan haram tidak tercapai.

Di atas hasrat **ini**, Tuan Yang di-Pertua, maka difikirkan bahawa hukuman denda minimum perlu diperuntukkan di dalam cadangan pindaan ini. Alasan yang sama juga adalah terpakai berhubung dengan peruntukan hukuman penjara mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada seksyen 2 Ordinan Pertaruhan 1953 ini adalah antara lainnya mengajukan takrif-takrif, dengan izin, "betting information centre", "equipment", "sporting event", "telekommunication" dan "telecommunication system" yang berbangkit daripada memasukan seksyen baru 9A ke dalam Ordinan ini. Cadangan kepada seksyen 4 Ordinan Pertaruhan 1953 bertujuan supaya kesalahan-kesalahan di bawah seksyen ini meliputi juga kesalahan mengendalikan pusat maklumat pertaruhan. Penalti maksimum di bawah seksyen ini juga telah dinaikkan daripada penjara selama dua tahun atau denda sebanyak \$20,000 kepada denda tidak kurang daripada

\$20,000 tetapi tidak melebihi \$200,000 dan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

Cadangan pindaan kepada seksyen 5 Ordinan Pertaruhan 1953 bertujuan menaikkan penalti bagi kesalahan mendahulukan wang bagi menuhkan rumah pertaruhan terbuka di bawah seksyen itu daripada penjara selama 12 bulan atau denda sebanyak \$10,000 kepada denda tidak kurang daripada \$10,000 dan tidak melebihi \$100,000 dan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi 5 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada seksyen 6 subseksyen 1 Ordinan Pertaruhan 1953 bertujuan menaikkan penalti bagi kesalahan-kesalahan membuat pertaruhan dalam rumah pertaruhan terbuka dan menerima pertaruhan di bawah seksyen itu daripada denda sebanyak \$250 kepada denda tidak melebihi \$5,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau keduanya.

Cadangan pindaan kepada subseksyen (3) seksyen 6 Ordinan Pertaruhan 1953 bertujuan menggantikan subseksyen tersebut dengan subseksyen baru bagi mengemaskinikan peruntukan-peruntukan di bawah subseksyen itu di samping menaikkan penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawahnya. Cadangan pindaan kepada seksyen 6A bertujuan menaikkan penalti bagi kesalahan menerbitkan dan mengumumkan keputusan lumba kuda di bawah seksyen itu daripada denda tidak melebihi \$2,000 kepada denda tidak kurang daripada \$5,000 dan tidak melebihi \$50,000 dan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada seksyen 9 Ordinan Pertaruhan 1953, bertujuan menambahkan dua lagi keadaan di mana sesuatu tempat boleh disifatkan sebagai rumah pertaruhan terbuka bagi maksud kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan Pertaruhan 1953.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan memasukkan seksyen 9A baru ke dalam Ordinan Pertaruhan 1953 bertujuan mengadakan peruntukan-peruntukan mengenai anggapan bagi pusat maklumat pertaruhan yang mana adalah perlu berikutan dengan kesalahan baru yang diwujudkan bagi pengendalian pusat-pusat tersebut. Peruntukan mengenai anggapan ini adalah perlu memandangkan sukarnya mengetengahkan saksi-saksi oleh kerana sindiket-sindiket yang menggunakan ancaman dan kekerasan yang menyebabkan saksi-saksi takut untuk memberi keterangan. Kadang—kalanya keterangan-keterangan bagi maksud ini secara terus susah diperolehi bagi mencapai ke tahap yang diperlukan oleh mahkamah.

Dengan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Pertaruhan 1953 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap? Sila Yang Berhormat Dato Azumu.

**3.59 ptg.**

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta meminda Ordinan Pertaruhan 1953.

Saya ingin memuji Kerajaan Kerana dengan desakan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini untuk mengawal dan mengambil tindakan masalah-masalah judi **ini**, maka pindaan Rang Undang-undang ini dibentang ke dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara sahaja yang saya ingin bangkitkan di sini bahawa adalah didapati hari ini kumpulan orang yang suka berjudi ini menjalankan perjudian ini di satu-satu tempat dan selepas itu pindah ke tempat yang lain tanpa diketahui oleh pihak-pihak yang berkuasa. Misalannya banyak perkara ini terjadi di kawasan-kawasan di mana penduduk orang Cina lebih ramai. Jika mereka menjalankan perjudian itu pada sebuah rumah tetapi sindiket ini tahu jika bermain di sebuah rumah dalam masa seminggu maka minggu depan berpindah ke bandar yang lain.

Saya berharap supaya Kerajaan dapat mengekori mereka ini kerana diperhatikan saya mendapat tahu bahawa sindiket ini datangnya daripada luar negara kita - daripada Hong Kong, Singapura dan sebagainya. Kerajaan telah menyatakan tadi bahawa yang banyak ditangkap pada masa yang lalu adalah orang-orang suruhan sahaja dan bukannya ketua-ketua sindiket ini. Saya berharap kajian juga harus dibuat supaya ketua-ketua sindiket ini apabila ditangkap juga kita mengenakan mereka merampas semua harta-harta mereka seperti juga kita berbuat apabila kita meluluskan Undang-undang Dadah dahulu di mana ketua-ketua sindiket dadah ini dirampas semua hartanya yang diperolehi daripada kegiatan dadah. Demikian juga kegiatan judi ini, ketua-ketua sindiket itu harus ditangkap dan segala harta-harta yang diperolehinya daripada perjudian ini juga dirampas oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih.

**4.03ptg.**

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri di Dewan yang mulia ini untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Ordinan Pertaruhan 1953. Jelas kita dengar penjelasan yang diberi oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi. Walau bagaimanapun, saya tidak begitu berasa bangga kerana disebut Singapura sudah pun menjalankan satu tindakan yang tegas dan menjalankan hukuman yang tegas kemudian kita pula baru hendak perketatkan lagi segala-gala Akta kita dan kita pula usaha hendak mengetatkan lagi hukuman mandatory dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi isu perjudian, pertaruhan selalunya dibangkitkan secara serius kerana kita dapati sekarang ini ramai belia, orang muda sudah berkecimpung dalam bidang ini kerana pada zahirnya dia dapati keuntungan itu ketara, wang dia itu senang dia menerimanya, sama ada perbuatannya itu baik atau tidak itu tidak dihiraukan. Saya juga bimbang anak-anak orang Islam juga terpengaruh dengan cara sindiket yang menggalak orang-orang muda ini berkecimpung dalam bidang pertaruhan dan perjudian. Walau bagaimanapun saya ucap syabas jugalah kepada Kementerian yang berkenaan kerana bertindak dengan cepatnya supaya mengawal sindiket-sindiket yang ingin berhijrah daripada Singapura ke sini pula. Jadi, kalau kita perketatkan undang-undang dan hukuman mandatory dikenakan ada kemungkinan mereka lari balik, lari pula ke negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih sekali apakala kita baca suratkhbar ataupun dapat mengetahui tentang mereka yang diberkas kebanyakan mereka diberkas atas segala aktiviti yang tidak sehat ini adalah terdiri daripada orang-orang biasa, orang miskin, orang-orang biasa, orang-orang yang menganggur dan sebagainya. Tetapi jarang sekali sindiket itu dapat diberkas. Bijak, halus aktiviti mereka ini sehingga tidak dapat pihak Polis atau pihak Special Branch, dengan izin mengekori mereka ataupun menangkap mereka. Inilah salah satu sebabnya menjadi berleluasa pertaruhan pun baik, mahupun perjudian. Saya juga difahamkan ada juga Kementerian Dalam Negeri menghantar polis-polis untuk dilatih seperti ke luar-luar negeri mempelajari, hendak tahu cara-cara untuk memberkas sindiket-sindiket yang serupa itu. Tetapi kejayaan sehingga hari ini tidak begitu ketara sangat.

Ada sekali sekala kita lihat wang ringgit begitu punya banyak, pistol, pelurunya dipamerkan dan 'press' ambil gambar dan sebagainya, adalah pegawai-pegawai dengan senyum kambingnya, maka disiarkan dan ramailah kita berasa bangga tetapi yang diberkas itu satu, dua - yang telah berlaku banyak boleh dikatakan beratus-ratus. Dan jarang wajah yang sisindiket itu dapat kita lihat. Inilah salah satu masalah sedang kita hadapi dan boleh dikatakan rakyat jelata anggapkan sindiket ini mempunyai pengaruh, bermacam cara pengaruh sehingga dia sendiri susah diberkas. Ini saya tidak percayalah mahupun orang-orang anggap polis tidak bekerja kuat tetapi saya tidaklah, ini adalah di mana-mana kesilapan yang kita masih tidak dapat mengenal pasti.



Berbalik kepada pertaruhan ataupun betting ini, dengan izin mengapakah kita, pihak polis pun baik, orang ramai pun baik boleh melihat dengan mata kasarnya aktiviti ini sedang berlaku tetapi tidak membuat apa-apa. Apakala ada satu pertandingan bola, sudah tentu di padang sendiri betting dibuat, pertaruhan dibuat dan malahan sudah boleh dilihat dengan mata kasarnya orang yang sebuk lari ke sana ke sini tetapi terbiar begitu sahaja, sedang berlaku dan masih berlaku ini. Pilihanraya baru-baru ini, ada kala Pilihanraya kecil ada, pertaruhan pun ada, saya dengar orang ini kata, dia bertaruh, orang ini dapat, dia menang, dia dapat duit sedikit. Di mana yang dia bertaruh, dengan siapa yang dia bertaruh, cara mana dia bertaruh. Saya pun berasa hairan. Jadi, ini menunjukkan sindiket ini masih hidup, masih kuat lagi sehari lepas sehari, lebih dia aktif lagi, sehingga kita tidak dapat malahan kita sudah ada pakar yang balik daripada luar negeri, yang sudah pun tahu hal, muslihat, cara-cara orang di luar negeri, sindiket-sindiket yang handal itu, mereka pun hari ini nampak telah macam terkena pukau, tidak tahu hendak buat apa. Ini saya pun berasa peleklah, sekali sekala itu terpaksa kena bercakaplah.

Jadi, saya haraplah mungkin Kementerian ini boleh berusaha dengan Kementerian Dalam Negeri supaya kita bersungguh-sungguh menempatkan kader-kader kita dalam jabatan-jabatan mana sekalipun supaya mereka ini menjadi spy macam di negeri Singapura. Ini contoh kita selalu hendak mengikut Singapura. Di Singapura dalam tiap-tiap jabatan yang besar, dia sudah ada pun orangnya yang memegang satu jawatan, tetapi dia adalah spy kepada Kerajaan. Dia melaporkan aktiviti tiap-tiap satu pegawai dalam jabatannya mahupun pegawai itu besar ataupun peon, semua laporan itu diberi. Laporan seminggu lepas seminggu dikaji siapa orang **ini**, apa kegiatannya, apa aktiviti luarnya. Tetapi saya tidak fikir kita ada orang-orang yang begini boleh beri maklumat dengan cepat. Bila berlaku satu-satu isu yang sehebat, barulah kita terkapa-kapa, lari ke sana, lari ke sini, kemudian tengok pula mencontohi negara-negara lain membuat apa dan sebagainya. Maaflah ini yang terpaksa sebut.

Berbalik kepada pertaruhan dan perjudian, saya juga ingin menyentuh tentang hal orang-orang Islam kita ini, Syukurlah kerana kita dengar orang-orang ataupun kelab yang terhormat di mana One Arm Bandit, dengan izin, ataupun jackpot dirampas tetapi masih ada lagi. Di situ semua bangsa boleh menyertainya, tetapi kalau di Genting Highlands, di kasino sana orang Melayu tidak dibenarkan masuk, tidak boleh bertaruh, tidak boleh cuba mesin One Arm Bandit dan sekatan ini boleh dikatakan satu sekatan yang hebat, tidak benarkan orang Islam sama sekali.

Sekarang orang Islam tidak hendak pergi ke Genting Highlands, dia boleh pergi ke kelab-kelab yang terhormat, tidak perlu pakai necktie, tidak perlu pakai baju batik. Dia boleh duduk di situ sehingga pagi. Haram itu jadi double-standard sekarang. Kalaulah

di Genting Highlands haram, fasal apa di sini tidak diharamkan cuma Cuba hendak dihapuskan sedikit demi sedikit, mengapa tidak diharamkan terus? Berhentikan terus, semua mesin jackpot rampas semua. Jangan benarkan aktiviti kelab-kelab yang katakan sihat **ini**, tiada sauna, ada rumahurut, kemudian ada pula permainan perjudian, kemudian pula minum arak. Ini bukan sihat, ini bukannya tempat yang sihat.

Saya juga menarik perhatian kepada Menteri yang berkenaan supaya ini juga diberi perhatian yang serius. Saya juga berharap dengan adanya hukuman mandatory yang dikenakan nanti sekurang-kurang kita dapat mengurangkan aktiviti pertaruhan dan moga-moga dapat juga kita membendung mereka ini mahupun secara indirect, dengan izin, supaya mereka ini sedar yang Kerajaan tidak rela mereka menjalankan aktiviti betting ini.

Maka dengan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong suatu Akta untuk meminda Ordinan. Pertaruhan 1953.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi Ahli yang hendak berucap?

**Dr. Nawawi bin Mat Awin:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebentar Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat berucap, saya membut sedikit pengumuman. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 6(3), sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Abu Bakar bin Lajim untuk mempengerusikan mesyuarat, dipersilakan.

[Dato' Abu Bakar bin Lajim **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Dato' Abu Bakar bin Lakim:** Jemput Yang Berhormat Dr. Nawawi bin Mat Awin.

**4.15 ptg.**

**Dr. Nawawi bin Mat Awin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun juga menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pertaruhan 1953.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, beliau telah menyebut objektif penting Rang Undang-undang ini iaitu untuk membanteras perjudian haram yang berleluasa sekarang. Kepada saya seorang Islam, perjudian haram ini adalah merupakan satu penanggahan istilah, dengan izin, a contradiction in terms sebab dalam Islam semua perjudian adalah haram, tidak ada yang halal sama sekali. Oleh itu, saya kira dalam Rang Undang-undang ini saya anggap ini satu langkah sementara dalam pergerakan yang akhirnya akan menuju kepada penghapusan segala perjudian dalam tanahair ini.

Definisi baru yang telah dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini, khususnya Seksyen 2 mengenai "betting information centre". Ini merupakan perkara sekarang ini berlaku dengan secara dibenarkan oleh undang-undang kerana kita telah meluluskan tempat-tempat yang disebut di sini secara yang sah, kerana kita telah memberi lesen kepada tempat-tempat ini. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, satu peruntukan yang seharusnya ada dalam satu pindaan yang akan datang dalam Rang Undang-undang ini adalah supaya mana-mana sahaja pegawai Kerajaan yang mengeluarkan lagi lesen perjudian dalam tanahair ini patut diberi hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, sambil menunggu itu, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini, terutamanya cadangan pindaan memasukkan peruntukan mengenai kegunaan alat-alat telekomunikasi dalam industri ini. Kerana apabila saya umpamanya mula mendapat telefon ATUR, tidak ada masalah membuat panggilan ke mana-mana. Tetapi sekarang ini oleh kerana saya difahamkan bahawa ATUR ini adalah salah satu daripada alat yang begitu popular sekali di kalangan operator-operator industri perjudian sekarang maka tujuan ATUR untuk digunakan untuk kemudahan perniagaan dan perindustrian yang lebih menguntungkan negara, hari ini dapat satu gangguan yang amat besar. Sangat sukar pada hari ini untuk orang berniaga yang memerlukan kemudahan ini untuk membuat dan menerima panggilan melalui ATUR ini. Oleh kerana saya selalu juga mendapat panggilan silap yang kedengar saya kurang faham apa yang disebut tetapi jelaslah ini satu kod yang digunakan oleh mereka yang terlibat dalam industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, industri ini juga menggalakkan pelbagai maklumat yang lebih besar seperti korupsi dan sebagainya. Lebih awal kita benteras dan lebih awal kita hapuskan sama sekali, adalah suatu langkah yang baik sekali untuk negara kita ini. Kalau Indonesia boleh menghapuskan segala perjudian, apa salahnya kita, apa sebabnya kita tidak boleh menghapuskan dalam masa yang singkat?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:**Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya tiada lagi Ahli hendak bercakap, saya persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

#### **4.21 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang (Pindaan) ini. dan segala teguran-teguran yang disuarakan di dalam Dewan ini, pihak Kerajaan akan memberikan perhatian yang sungguh-sungguh supaya imej negara kita ini dapat diperbaiki lagi daripada komplek-komplek bahawa negara kita telah dipenuhi oleh aktiviti-aktiviti perjudian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Azumu Tak telah menimbulkan masalah sindiket yang datang dari luar negeri dan meminta supaya Kerajaan merampas harta ketua-ketua sindiket yang melibatkan diri dengan kegiatan pertaruhan haram atau perjudian haram itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan sindiket-sindiket yang berjalan di dalam negara kita ini dan dengan adanya pindaan Rang Undang-undang yang akan diluluskan pada hari ini di atas Akta Pertaruhan, 1953, 'kita' berharap dapatlah pihak penguatkuasa menjalankan operasi dengan lebih giat dan berkesan sekali dalam membanteras aktiviti-aktiviti pertaruhan haram di dalam; negara kita ini.

Berhubung dengan cadangan supaya merampas harta sindiket yang ditangkap yang pernah melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti perjudian haram, sukalah saya manberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa Kerajaan akan mengambil perhatian berhubung dengan cadangan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah menyuarakan bahawa pusat aktiviti-aktiviti pertaruhan haram ini sentiasa berpindah-pindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Perkara ini, pun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meyakinkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pihak yang berkenaan termasuk pihak Polis akan meningkatkan kekesan operasi mereka supaya pihak-pihak yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti pertaruhan haram ini akan dapat dihapuskan keseluruhannya di suatu hari nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hamid Arabi bin Md. Salih telah menimbulkan masalah pertaruhan yang berjalan semasa pertandingan bolasepak dan pilihanraya. Bagipihak Kerajaan, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan memang sedar tentang wujudnya segala kegiatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan berusaha untuk mencegah dan menangkap mereka yang terlibat dan menghukum dengan hukum yang berat sekali supaya mereka tidak akan melibatkan diri daripada aktiviti haram itu. Maka sebab

itulah Rang Undang-undang ini seharusnya dipinda supaya hukuman yang lebih berat lagi boleh dikenakan kepada pihak-pihak yang terlibat dan dengan itu orang-orang suruhan mereka akan memberikan kerjasama bahawa saksi-saksi atau bukti-bukti yang cukup terang akan dapat diperolehi oleh mahkamah supaya mahkamah boleh mengenakan hukuman yang berat sekali kepada mereka.

Ahli Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya larangan ke ataa orang-orang Islam daripada memasuki bilik-bilik slot machine di kelab-kelab terhormat atau kelab-kelab yang besar yang ada di dalam negara kita. Sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa arahan telah dikeluarkan oleh Kerajaan, khasnya Kementerian Kewangan kepada kelab-kelab tersebut iaitu sebelum lesen slot machine ditarik balik, supaya mereka mengadakan papan tanda di hadapan bilik-bilik slot machine bagi menerangkan larangan kepada orang-orang Islam masuk ke dalam untuk bermain slot machine dan mesin-mesin slot juga hendaklah ditempatkan di suatu bilik, di suatu sudut di dalam kelab itu supaya aktiviti-aktiviti permainan slot machine dapat dikendalikan dengan ketat oleh kelab-kelab yang tertentu dan juga supaya senang bagi pegawai-pegawai Kerajaan untuk menjalankan "spot check". Dan pada masa ini nampaknya pengeluaran lesen-lesen slot machine telah diberhentikan sementara untuk penyiasatan yang mendalam sebelum lesen-lesen yang baru dikeluarkan lagi.

Ahli Yang Berhormat juga telah meminta Kerajaan bertindak dengan lebih cepat lagi sebelum aktiviti-aktiviti pertaruhan haram itu sampai ke satu tahap yang tidak dapat dibanteras. Di sini sukalah saya bagi pihak Kerajaan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dan juga di sini saya ingin memberitahu bahawa pindaan kepada Rang Undang-undang Pertaruhan 1953 ini adalah suatu perbuatan atau tindakan Kerajaan yang sesuai sekali pada masa ini.

Dalam ucapan saya tadi, saya katakan bahawa jikalau Kerajaan tidak meminda Akta ini bimbanglah Kerajaan bahawa keadaan perjudian haram dalam negara kita ini akan sampai satu tahap yang tidak dapat dikawal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Nawawi Mat Awin juga berdiri untuk menyokong pindaan kepada Rang Undang-undang ini dan saya bagi pihak Kerajaan mengucapkan berbilang-bersang terima kasih. Semua yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dr. Nawawi Mat Awin, saya ingin menyakinkan beliau bahawa Kerajaan sedar apa yang telah, dijalankan khasnya peristiwa atau apa Yang Berhormat Dr. Nawawi dapat dengar melalui telefon ATUR bahawa ada satu kod untuk sesuatu aktiviti yang sedang dijalankan, pihak Kerajaan sedar perkara ini dan teguran-teguran yang telah disebut tadi akan diberi perhatian yang bersungguh-sungguh.

Dengan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahasa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang

Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.



**RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN DALAM NEGERI (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4,33 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita hari ini kita mendapati tuduhan-tuduhan bahawa Kerajaan telah menyalahgunakan kuasanya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Begitu juga sering kedengaran bermacam-macam kecaman dan celaan lagi yang mengatakan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri itu sendiri tidak wajar wujud lagi dan sepatutnya dimansuhkan. Tuduhan-tuduhan dan kecaman ini memang mudah dibuat oleh mana-mana pihak yang tidak melaksanakan beban dan tanggungjawab untuk memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara yang mana adalah kewajipan utama mana-mana Kerajaan termasuk negara kita,

Tuntutan kewajipan ini lebih-lebih lagi dirasai di negara kita yang mempunyai latar belakang masyarakat berbilang kaum, agama, kebudayaan dan adat-resam yang mana tidak dapat kita sangkal bahawa bentuk masyarakat majmuk sedemikian sentiasa mudah terdedah kepada berbagai bentuk ancaman terhadap kestabilan dan keselamatannya sama ada dari dalam ataupun luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, memang sukar untuk kita menjamin bahawa keadaan negara adalah aman 100% kerana akan sentiasa ada berbagai bentuk ancaman secara berterusan. Atas dasar itu Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada kewajipan mengawasi dan memelihara keselamatan dan ketenteraman awam. Akta Keselamatan Dalam Negeri digubal dan dirangka dengan demikian rupa untuk meliputi bukan sahaja ancaman-ancaman subversif komunis tetapi juga apa-apa juga bentuk ancaman yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman awam dan menimbulkan mudarat kepada keselamatan negara.

Sepertimana yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri semasa membentangkan Rang Undang-undang pindaan ini dalam sidang Dewan Rakyat baru-baru ini, Kerajaan tidaklah dapat berkompromi dengan mana-mana pihak sekalipun dalam soal melaksanakan kewajipan keselamatan negara kerana inilah yang akan menjadi asas sama ada negara terus maju dan membangun atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan Kerajaan terus menjalankan tanggungjawab utamanya dalam mengawal dan memelihara keselamatan dalam negeri bagi menjamin keamanan dan kesembilan negara dengan cara lebih berkesan, Kerajaan mendapati perlu untuk membuat beberapa pindaan kepada Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan-pindaan ini dicadangkan adalah untuk menghalang suatu perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri yang memutuskan bahawa seseorang itu mengancam keselamatan negara tidak dipersoalkan di mahkamah. Ini adalah kerana kebelakangan ini kerap kali Menteri membuat keputusan

mengeluarkan perintah tahanan telah dicabar dan dipersoalkan di mahkamah. Sekiranya mahkamah dibiarkan menggantikan keputusan pihak Kerajaan dengan keputusan mahkamah bermakna seolah-olah tanggungjawab bagi keselamatan negara tidak lagi terletak kepada Kerajaan kerana mahkamahlah yang membuat keputusan muktamad hal-hal keselamatan.

Aliran dan keputusan-keputusan mahkamah di negara-negara asing yang memainkan peranan campurtangan atau dengan izin, 'interventionist' menggantikan keputusan-keputusan Eksekutif dengan keputusan-keputusan Mahkamah adalah tidak sesuai diikuti kerana berasaskan keadaan-keadaan yang sangat berlainan dengan keadaan di negara kita. Tambahan ianya adalah bertentangan dengan konsep pengasingan kuasa, dengan izin, Separation of Powers di antara pihak Eksekutif dan pihak Kehakiman yang menjadi pegangan di negara kita.

Selain dari itu, kalau keputusan Menteri dipersoalkan oleh Hakim atau mahkamah, adalah sukar untuk pihak Kerajaan mempertahankan perintah tersebut kerana ada perkara-perkara yang rahsia yang bersangkutan dengan keselamatan negara tidak dapat didedahkan dalam mahkamah atas sebab-sebab kepentingan keselamatan negara.

Tuan, Yang di-Pertua, selama ini pihak Kerajaanlah yang bertanggungjawab terhadap perkara-perkara keselamatan negara dan ketenteraman awam kerana pihak Kerajaan diiktiraf sebagai mempunyai keahlian dan kepakaran dalam bidang tersebut. Sekiranya pihak mahkamah boleh menggantikan keputusan Kerajaan dalam hal-hal berkaitan ketenteraman awam dan keselamatan negara maka adalah sukar bagi pihak Kerajaan untuk terus melaksanakan tanggungjawab memelihara dan menjamin keamanan dan kestabilan negara.

Pemakaian prinsip, dengan izin, subjective test, telah membolehkan Kerajaan bertindak dengan berkesan terhadap mereka yang mengancam keselamatan dan kestabilan negara. Adalah amat perlukedudukan ini terus dijamin melalui undang-undang kerana sepertimana telah saya katakan tadi Kerajaanlah yang merupakan pihak berkuasa yang paling sesuai dan wajar untuk menimbang dan meneliti maklumat-maklumat tertentu yang diperolehinya dan membuat keputusan tentang tindakan pencegahan demi keselamatan dan kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kedudukan sepertimana yang telah saya huraikan, cadangan pindaan ini dibuat semata-mata untuk menentukan dengan jelas akan peranan dan bidangkuasa Menteri Dalam Negeri dan peranan dan bidangkuasa seorang Hakim Mahkamah. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, perintah-perintah tahanan yang dibuat

oleh Menteri tidak lagi dipersoalkan atau dipertikaikan di mahkamah melainkan bagi perkara-perkara yang menyentuh soal prosedur di mana peruntukan undang-undang tidak dipatuhi. Dengan yang demikian, melalui pindaan yang dicadangkan ini, Kerajaan akan dapat melaksanakan kewajipan utamanya dalam memelihara dan mengawal keselamatan dalam negeri untuk terus menjamin bahawa keamanan dan kestabilan negara adalah dikekalkan demi kesejahteraan kehidupan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Luhah Wan;** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Jemput Yang Berhormat Senator Azman.

**4.43 ptg.**

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya sebagai orang yang pertama untuk membahas suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan saya, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri dan juga kepada semua yang terlibat di dalam menggubal dan membuat pindaan Rang Undang-undang ini dan terutamanya saya

ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang telah membawa usul ini ke dalam Dewan ini.

Di dalam keadaan negara kita yang berbilang kaum, memang sudah sewajarnya bagi Kerajaan mempunyai satu Rang Undang-undang yang begitu ketat, yang begitu konkrit, yang tidak boleh mana-mana pihak mencabar ataupun menganggap itu adalah merupa satu undang-undang seolah-olah macam undang-undang yang tidak berfungsi. Maka dengan itu, dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini, saya percaya selama ini maruah Kerajaan yang telah tercemar dengan membuat berbagai-bagai penangkapan yang telah dicabar di dalam mahkamah sehingga mahkamah boleh melepaskan mereka yang telah ditangkap di bawah Rang Undang-undang ISA sedikit sebanyak telah mencemarkan nama baik Kerajaan kita di bawah pimpinan Perdana Menteri yang ada sekarang. Secara kebetulan pula, Perdana Menteri kita juga adalah selaku Menteri Dalam Negeri, maka dengan pindaan Rang Undang-undang ini, saya percaya pihak pengkhianat-pengkhianat dan pembangkang-pembangkang di dalam negara kita yang senantiasa mencari jalan untuk menghuru-harakan keadaan negara, yang senantiasa mencari jalan untuk memecahbelahkan kaum dalam negara ini, maka dengan adanya Rang Undang-undang ini yang begitu ketat, saya percaya perkara-perkara ini mungkin tidak akan berulang lagi.

Satu daripadanya, Tuan Yang di-Pertua, saya masih teringat lagi satu peristiwa di atas penangkapan seorang yang telah menjadi murtad yang mengaku dirinya sebagai Joshua alias Jamaluddin yang telah mengkristiankan orang-orang Islam, sedangkan kita telah meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi di dalam negara. Maka

perbuatan itu telah dikesan oleh Kerajaan dan telahpun mengambil tindakan dan meletak beliau di bawah Akta ISA. Tetapi malangnya oleh kerana undang-undang yang tidak begitu kemas, maka beliau telah dapat mencari peluang dan menggunakan peguam membawa kes itu ke mahkamah dan sehingga beliau telah terlepas daripada tangkapan dan tuduhan daripada Kerajaan. Maka itu satu perbuatan, satu tangkapan, dan satu tindakan Kerajaan yang memalukan Kerajaan sendiri, kerana semua negara memahami bahawa kuasa yang paling tertinggi sekali di dalam sesuatu negara ini adalah Kerajaan. Tetapi apabila Kerajaan bertindak sesuatu, masih ada lagi satu badan yang lain, seolah-olah dia lebih berkuasa daripada Kerajaan yang boleh mengatasi segala keputusan Kerajaan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan syabas, ini telahpun menunjukkan satu jalan yang benar yang telah diberi oleh Allah s.w.t. kepada pucuk pimpinan kita untuk semata-mata membendung keadaan di masa-masa akan datang kerana terdapat selama ini pihak-pihak Pembangkang sudah keterlaluan. Apabila adanya Akta Kerajaan masih lagi tidak memberikan satu keadaan yang boleh menakutkan kepada mereka kerana mereka berpendapat, walau macam manapun mereka ada peluang untuk mencabar kes ini ke dalam mahkamah. Satu daripada contohnya ialah, kes Karpal Singh dan ada dua tiga contoh lagi. Itu sebabnya di dalam Dewan Rakyat pada tempoh hari, saya lihat, saya dengar pihak Pembangkanglah yang beria-ria menentang Akta pindaan ini dan kita harus menyedari rakyat, kalau adapun sokongan rakyat kepada Pembangkang menentang Rang Undang-undang ini, mereka juga boleh kita anggap sebagai rakyat yang tidak mahu mendaulatkan negara

**ini.** Mereka juga adalah termasuk rakyat yang senantiasa mahu melihat negara ini di dalam keadaan huru-hara.

Saya tidak nampak dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini, dianggap Kerajaan itu sudah bertindak zalim, malahan kita memuji kepada Kerajaan. Dengan adanya pindaan Rang Undang-undang inilah maka kita harus memuji kepada Kerajaan kerana benar-benar Kerajaan mahu mengambil tahu masalah keselamatan rakyat, kebahagiaan rakyat dan menentukan pembangunan ekonomi negara ini berjalan dengan baik untuk faedah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ramai lagi kawan-kawan saya dalam Dewan ini yang akan bercakap menyentuh berbagai-bagai aspek yang lain, maka cukuplah bagi saya untuk memulakan perbahasan ini dengan memberikan faktor-faktor yang munasabah kenapa patutnya Rang Undang-undang ini dipinda bagi membolehkan Kerajaan memisahkan kuasa Kerajaan itu dengan kuasa Hakim dalam mahkamah jika sekiranya dibawa ke mahkamah.

Dengan itu, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri di dalam membawa Rang Undang-undang ini ke dalam Dewan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak.

#### **4.49ptg.**

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, selepas kejadian di negeri China dan selepas apa yang terjadi di dalam negara kita pada beberapa bulan yang lalu, saya fikir semua rakyat di Malaysia ber-setuju bahawa tindakan tegas mesti diambil oleh Kerajaan untuk menenteramkan keadaan kalau keadaan itu jadi huru-hara. Tetapi kita jangan salah faham kalau ada sesuatu yang ditetapkan salah oleh Mahkamah, itu bukanlah memalukan Kerajaan.



Kerana pentadbiran kita adalah terpisah kepada 3 sektor. Sektor yang pertama ialah bahagian yang membuat undang-undang. Bahagian itu ialah Parlimen. Bahagian yang kedua ialah bahagian yang menjalankan undang-undang itu dan bahagian itu ialah executive, dengan izin, dan bahagian yang ketiga ialah bahagian Kehakiman. Tugas Kehakiman ini ialah menentukan bahawa segala tindakan yang diambil oleh Kerajaan atau oleh Eksekutif itu adalah berasaskan kepada undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen **ini**, maka kalau Kerajaan itu ditetapkan tersalah, perkara itu bukan satu perkara yang boleh jadi malu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang di sini kita bukan membincangkan undang-undang ISA. Kita di sini ialah untuk membincangkan pindaan kepada seksyen-seksyen dalam ISA atau Akta Keselamatan Dalam Negeri **ini**. Pindaan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk memasuki 3 seksyen yang baru dan tujuan pindaan ini ialah seperti yang dicatatkan di dalam keterangan yang diberikan di sini ialah untuk mengesahkan semula dengan tegas prinsip bahawa ujian subjektif terpakai bagi menentukan penggunaan yang wajar akan kuasa oleh Menteri menurut budi-bicaranya sebagaimana yang ditetapkan di dalam kes Karam Singh lawan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia 1969, 2 MLJ, mukasurat 129 yang telah diikuti di dalam kes Theresa Lim Chin Chin lawan Ketua Polis Negara 1988, 1 MLJ, mukasurat 293.

Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya kalau ini ada satu-satu tujuannya, maka pindaan ini tidak perlu kerana prinsip ini telah ditetapkan bukan sahaja oleh mahkamah biasa tetapi ditetapkan oleh Mahkamah Agung dan oleh sebab ini prinsip ini tidak dapat digantikan oleh mahkamah-mahkamah yang lain,

Maka pada fikiran saya, ini tidak perlu. Apakah prinsip yang

telah ditetapkan? Prinsipnya ialah kalau sesuatu keputusan diambil oleh Menteri, keputusan itu mesti diasaskan kepada sesuatu butir tetapi kalau keputusan telah diambil, kita tidak boleh menyoalkannya. Mahkamah-mahkamah yang lain tidak boleh menyoalkan keputusan **itu**. Maka **itu**, prinsip telah ditetapkan dan ini telah dengan izin diinterpreted, telah diberikan interpretasi oleh mahkamah dan di sini kita boleh mengatakan interpretasi mahkamah dengan keizinan Eksekutif adalah sama di atas perkataan-perkataan dalam Akta **itu**. Dan apakah perkataan-perkataan dalam Seksyen 8 dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri itu? Dengan ringkasnya, perkataan-perkataan yang penting ialah saya membacakan, dengan izin, dalam bahasa Inggeris:

"If the Minister is satisfied that the detention ,of any person is necessary wick a view Co preventing him from acting in any manner prejudicial to the security of Malaysia or any part thereof or to the maintenance of essential services therein or to the economic life thereof, he may make an order, hereinafter referred to as edetention order directing that that person be detained for any period not exceeding two years.

Tuan Yang di-Pertua, perkataan-perkataan yang penting ialah jika sekiranya Menteri itu puas hati, "if the Minister is satisfied", dan perkataan-perkataan ini telah diberikan interpretasi yang tetap, interpretasi untuk mengambil keputusan, ujiannya ialah ujian subjektif. Maka apa maknanya? Maknanya **ini**: jika pada hari ini selepas saya berucap dan jika sekiranya percakapan saya telah dilaporkan kepada Menteri yang berkenaan, dan Menteri yang berkenaan kalau diberitahu 'bahawa percakapan ini merbahaya dan sepatutnya orang ini ditahan'; dan jika sekiranya Menteri yang berkenaan mengambil keputusan bahawa saya akan ditahan dan satu perintah telah dikeluarkan

untuk menahan saya, keputusan itu tidak boleh disoalkan. Itulah undang-undang yang ada sekarang - subjective test.

Kalau ujian itu objektif, barangkali kita boleh mengkaji sama ada percakapan ini betul-betul merbahaya, sama ada percakapan atau perbuatan saya ini akan menunjukkan bahawa saya adalah seorang yang merbahaya dan kalau itu betul-betul merbahaya, maka keputusan itu betul. Itu ujian objektif. Tetapi pada masa sekarang, mengikut undang-undang ini, ujian subjektif. Maka undang-undang yang ada sekarang ini tidak boleh dipersoalkan. Oleh sebab itu, saya kaca kalau tujuan Eksekutif itu ialah segala keputusan yang diambilnya tidak dapat dipersoalkan, tidak payah dipersoalkan, jangan disoalkan, sudah ada undang-undang pada masa sekarang. Kalau Parlimen hendak membuat sesuatu untuk bertindak, boleh kita bertindak jika sekiranya interpretasi itu salah seperti yang telah dibuat pada masa yang dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya, pindaan ini kalau untuk satu-satu tujuan, ini tidak perlu, tetapi saya khawatir pindaan ini bukan sahaja meliputi tujuan ini sahaja. Pindaan ini kalau diluluskan barangkali kawasannya sangat luas kerana mengikut seksyen 8B, ia berbunyi:-

"Maka tidaklah boleh diadakan apa-apa kajian semula kehakiman dalam mana-mana mahkamah akan, dan tiada mahkamah boleh mempunyai atau menjalankan apa-apa bidang kuasa berkenaan dengan, apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka mengikut Akta ini, kecuali mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak prosedur di bawah Akta ini yang mengawalselia tindakan atau keputusan itu".

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini segala kuasa kehakiman di atas keputusan itu dihapuskan. Kalau kita merujuk kepada kedua kes itu, kes Karam Singh dan Theresa Chin, dalam kedua-dua kes ini ujian yang dijalankan ialah subjektif dan keputusan itu tidak boleh dipersoalkan. Tetapi kalau sekiranya orang yang berkenaan, orang yang ditahan itu, hendak mendapat belaan daripada pihak yang ketiga (mahkamah) dia boleh menunjukkan bahawa keputusan ini tidak sah, dengan izin, 'illegal' kalau ikut perkataan 'judicial', mala fide. Jika sekiranya keputusan itu mala fide maka orang yang berkenaan itu mesti membuktikan sendiri, siapa yang membuktikan tadi, kalau Menteri yang menahannya, Menteri membuktikan bahawa dia mengambil keputusan mengikut Akta ini dan selepas itu kalau orang yang berkenaan dia, mengatakan keputusan ini salah, dia sendiri mesti membuktikan bahawa keputusan yang telah diambil oleh Menteri itu ialah suatu keputusan yang mala fide. Apakah maknanya mala fide? Mala fide bukan niat jahat, mala fide kalau ikut kes Karam Singh yang diberikan oleh Hakim Ibrahim, dia yang membuat quote daripada seorang penulis di mukasurat 153 di dalam buku yang namanya saya tidak tahu dan dalam komentarnya bercakap dalam bahasa Inggeris, dengan izin -

"An order of detention 13 mala fide if it is made for a collateral or ulterior purpose, that is, a purpose other than what the Legislature had in view in passing the law of preventive detention, that is, prevention of acts prejudicial to the security of the State, maintenance of public order and so on. There

is mala fide exercise of the power if the grounds upon which the order is based are not proper or relevant grounds which would justify detention under the provisions of the law itself or when It appears that the authority making the order did not apply its mind to it at all, or made it for a purpose other than that mentioned in the detention order".

Itu bermakna kalau seseorang Menteri itu membuat keputusantidak bertanggungjawab, bila kertas itu diberikan dia menandatangani, kalau orang ini dapat menunjukkan bukti itu, maka keputusan itu boleh dikatakan mala fide dan mahkamah boleh tengok mala fide, orang ini boleh dilepaskan, atau jika sekiranya dia tidak peduli, bukti-bukti yang diberikan dia tidak peduli, tetapi dia fikir orang ini mesti ditahan, dia sains tahan, maka barangkali itu mala fide.

Tuan Yang di-Pertua, sampai masa sekarang saya fikir lebih daripada satu atau dua kes yang ada perkara ini berlaku, sampai ke masa sekarang kebanyakan orang yang ditahan ini telah ditahan mahkamah tidak ada apa-apa kuasa untuk menyoalkan kerana ujiannya ialah ujian subjektif dan mala fide adalah satu perkara yang sangat susah bagi orang yang berkenaan itu untuk menunjukkan bukti-buktinya.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua manusia sama ada kita seorang Menteri, Senator, peguam, doktor atau ahli-ahli polis dan sebagai seorang manusia kita pun mempunyai kelemahan-kelemahan, satu di antara kelemahannya kita membuat kesilapan.

Yang kedua, kelemahan kita, kita tahu sama ada dia memegang

apa jawatan, kuasa, ada di antara mereka yang menjadi penipu. Maka kita takut kalau bukti-bukti yang telah direkodkan oleh pihak yang berkuasa adalah seorang yang penipu, dan semua bukti-bukti itu palsu dan Menteri yang bertanggungjawab itu bila dia telah menerima bukti ini, tengok bukti ini telah menunjukkan bahawa orang ini sangat merbahaya dia patut sains order, mengeluarkan perintah, tetapi orang yang kena atau diri sendiri dia tahu bahawa segala bukti-bukti ini salah. Kalau ini tidak dipinda barangkali dia boleh pergi ke mahkamah memberitahu Hakim bukti-bukti yang diberikan itu salah dalam rekod, itu ada menunjukkan bahawa pada hari itu saya ada di tempat itu, tetapi pada hari ini saya tidak ada, saya ada di sana. dan saya boleh menunjukkan bahawa saya ada di tempat yang lain. Maka bukan Menteri jadi penipu, tetapi orang-orang yang memberikan itu boleh barangkali sehingga masa ini belum ada penipu sama. ada dalam polis atau Menteri atau dalam apa-apa. Tetapi kita tidak tahu, undang-undang yang dibuat di sini bukan untuk hari ini .....

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Di dalam menentukan Menteri membuat keputusan setelah menerima laporan dan feedback daripada pegawai-pegawai yang diberi kepercayaan, adakah maksud Yang Berhormat bercakap tadi bahawa Menteri hanya dengan membuta-tuli sahaja menerima laporan yang diberi kepada dia sebagai seorang Menteri yang berkuasa terus mengambil tindakan ataupun sebaliknya, saya ingin mendapat penjelasan.

**Tuan Chan Choong Tak:** Terima kasih. Tujuan saya bukan menunjukkan bahawa keputusan yang diambil oleh Menteri itu adalah berasaskan kepada bukti-bukti yang betul-betul salah atau dibuat oleh orang yang penipu. Apa yang dikatakan oleh saya ialah ini

boleh jadi. Seperti saya katakan tadi, undang-undang dibuat untuk masa yang akan datang, tetapi hari ini saya berdiri di sini sebagai seorang Senator dan selepas term saya habis - tidak ada lagi. Hari ini barangkali 'A' jadi Menteri dan 2-3 tahun barangkali 10 tahun lepas tidak ada lagi, orang yang baru masuk, kita tidak tahu sama ada dia bertanggungjawab, kalau orang itu tidak bertanggungjawab, orang yang berkenaan, orang yang kena tahan itu, mengikut undang-undang yang diluluskan ini tidak ada apa-apa lagi selain daripada kalau dia pergi ke Review Board (Lembaga). Maka oleh sebab itu saya fikir kalau tujuan meminda Akta ini ialah untuk mengesahkan dengan tegasnya ujian subjektif itu barangkali perkataan-perkataannya mesti dipinda.

Kalau tidak ada, kita takut bahawa sesuatu yang pada masa sekarang kita tahu tidak berlaku, Menteri-menteri kita bertanggungjawab dan barangkali Polis kita pun bertanggungjawab, kita takut pada masa yang akan datang. Maka jangan kita buat sesuatu, kemudian kita **terperangkap**. Pada masa kita meminda Akta Pertubuhan (**Societies Act**) atau **Police Act.**, bila kita menaikkan hukuman dan kita sudah hapuskan **discretion** kepada mahkamah, saya pun menyeru kita **berfikir** dengan baik. Kalau **discretion** diberikan kepada mahkamah, mahkamah boleh tengok dalam keadaan apakah hukuman mesti diberikan. Tetapi selepas pindaan itu, sekurang-kurangnya \$1,000 atau \$2,000 dan orang yang kena hukum itu mestilah keluar daripada Parlimen. Selepas pindaan itu ada juga di antara pemuda-pemudi UMNO menunjuk perasaan dan kalau mereka ditangkap dan didakwa, barangkali hukuman itu boleh terjatuh kepada mereka. Jadi kalau ini terpulang kepada mahkamah, mahkamah boleh tengok pada keadaan itu barangkali apa yang dibuat oleh mereka itu patut sungguhpun salah tetapi mahkamah tidak jatuhkan hukuman yang **compulsory** atau **mandatory sentence**.

Maka di **sini** saya pun hendak memberitahu kalau kita meminda **ini**, kita **mesti** tengok pada masa yang akan datang apa yang boleh jadi. Kita tidak boleh di atas Akta Polis itu nasib baik kuasa itu telah diberikan kepada **Attorney-General** dan **Attorney-General** pada masa itu dia fikir tidak payahlah menuduh orang-orang **ini**, maka tiada kes yang diambil. Maka di **sini** kita pun bergantunglah nasib kita kepada Menteri, pada masa sekarang Menteri Dalam Negeri, dan pada masa sekarang kita tahu apa yang kita buat kalau bertanggungjawab, ini tidak akan berlaku. Saya takut masa yang akan datang



orang berkata kalau Menteri itu tak baik, kita jangan pilih dia dalam masa pilihanraya, tetapi pilihanraya datang 5 tahun. sekali dan dalam 5 tahun barangkali orang ini sudah ditahan 2-3 tahun, tidak ada apa-apa peluang untuk membuat sesuatu kepada pihak ketiga untuk mengkaji dengan **teliti**, bukan atas keputusan itu dibuat tetapi bukti-bukti yang diberikan kepada Menteri yang berkenaan betul atau palsu. Itu sahaja saya hendak bercakap, terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Silakan Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

#### **5.14 ptg.**

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini.

Seperti sedia maklum Rang Undang-undang ini dibuat dengan tujuan. menghapuskan daripada kaji semula kehakiman atas segala tindakan yang dilakukan dan diputuskan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka di bawah Akta, kecuali mengenai apa-apa kehendak prosedur yang mengawalselia tindakan atau keputusan itu.

Rang Undang-undang ini dibuat tepat pada waktunya dan amat diperlukan semasa kini untuk menjaga ketenteraman awam dan keselamatan negara. Pada masa ini kita terdapat banyak kes di mana keputusan Menteri mengeluarkan perintah tahanan. di bawah ISA telah

kerap kali dicabar dan dipersoal di mahkamah, dan apabila mahkamah membuat keputusan, menggantikan keputusan pihak Kerajaan dengan keputusan pihak mahkamah, seseorang yang ditahan itu lazimnya dibebaskan. Akibatnya orang yang dibebaskan itu menjadi 'hero' di kaca mata segolongan rakyat walhal beliau adalah pengacau atau 'Villain' negara. Apabila perkara ini berlaku, Kerajaan tidak dapat menjalankan tanggungjawab utamanya, mengawal dan memelihara Keselamatan dalam negeri bagi menjamin keamanan dan kestabilan negara dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum tanggungjawab utama Kerajaan adalah untuk mengawal keselamatan dalam negeri dan ini hanya boleh dilakukan oleh pihak Eksekutif (Kerajaan) kerana merekalah yang lebih mengetahui keadaan sebenar keselamatan negeri. Jika pihak mahkamah dibiarkan campurtangan dalam keputusan Eksekutif, saya khuatir pihak Kerajaan tidak dapat bergerak menjaga keselamatan dan ketenteraman awam dan mungkin mencetuskan huru-hara dalam negara kelak.

Dalam perkara-perkara keselamatan negara dan ketenteraman awam adalah jelas bahawa pihak Eksekutif ialah pihak berkuasa yang paling sesuai untuk menyimpan maklumat yang ada untuk menentukan langkah berjaga—jaga yang patut diambil dan mempunyai kata putus dalam perkara-perkara disediakan dan bukannya mahkamah yang hanya dapat menimbang ketenteraman dan dibuktikan di hadapannya. Ada kalanya Kerajaan tidak dapat mempertahankan dirinya kerana ada perkara-perkara rahsia yang bersangkutan dengan keselamatan negara yang tidak dapat didedahkan dalam mahkamah terbuka atas sebab-sebab kepentingan keselamatan negara dan juga berhubung dengan negara-negara lain.

Oleh yang demikian adalah wajar bagi Kerajaan membuat pindaan itu agar keputusan Menteri tidak dipersoalkan dalam penahanan seseorang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) melainkan mengenai soalan-soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak prosedur.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar pembentangan Rang Undang-undang ini telah membawa rungutan di kalangan golongan tertentu kononnya demokrasi dalam negara ini telah mati dan kebebasan Kehakiman negara ini dipenjarakan dan sebagainya. Dalam aspek ini kita tidaklah seharusnya mengikut kehendak segolongan kecil rakyat yang menggelar diri mereka, dengan izin, *the elite of the community*, yang hanya dapat mengkritik Kerajaan dari pandangan dan sudut yang tidak mendalam. Jika dikaji dengan mendalamnya, tindakan Kerajaan meminda Akta ini adalah wajar, sesuai dan dibuat dengan pandangan yang jauh, menjaga generasi yang akan datang agar mereka hidup dengan selesa dan aman.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai tuduhan-tuduhan ke atas pihak Polis yang menahan tahanan-tahanan ISA di mana mereka dikatakan disiksa oleh pihak Polis dengan berbagai-bagai cara yang tidak berperikemanusiaan, Saya mohon jasa baik Kementerian Dalam Negeri supaya melakukan siasatan terhadap tuduhan-tuduhan itu dengan terperinci dan jika didapati benar, mengambil tindakan sekeras-kerasnya ke atas semua pihak yang terlibat sama ada beliau seorang anggota Polis biasa ataupun berpangkat agar menjaga nama baik dan imej Police Force kita.

Dengan kata-kata **ini**, saya sekali lagi menyokong dengan penuh Rang Undang-undang **ini**. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Silakan.

**5.20 ptg.**

**Tuan Lim Heng Tee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini akan menghapuskan dari kajian semula kehakiman akan segala tindakan yang dilakukan dan keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka di bawah Akta tersebut.

Tujuan Seksyen baru 8(b) ini ialah untuk menjaga keselamatan dan kestabilan negara kita dengan berkesan. Segala perbincangan adalah tertumpu kepada adakah Mahkamah mempunyai hak atau kuasa untuk mencampuri di dalam keputusan penahanan yang diputuskan oleh Kerajaan. Dengan kata yang lain, apabila keselamatan dan kestabilan nasional terancam, siapakah yang membuat sebarang keputusan penahanan, sama ada pihak eksekutif iaitu Menteri yang dipilih orang rakyat atau Hakim. Pada pendapat saya keputusan penahanan adalah satu keputusan politik dan sosial dan bukan soal undang-undang, maka orang politik atau wakil yang dipilih oleh rakyat ialah pihak berkuasa yang lebih sesuai untuk menentukan langkah berjaga-jaga yang patut diambil termasuk tindakan menahan mengikut keadaan yang sebenar. Mahkamah atau para Hakim harus mempertimbangkan di sisi undang-undang yang diperuntukkan. Jika Kerajaan tidak mengikut undang-undang seperti mana yang ditetapkan oleh Parlimen, maka Mahkamah sepatutnya mempunyai hak dan kuasa untuk mencampuri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek **ini**, saya merasa gembira kerana satu kekecualian telah diperuntukkan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri di mana jikalau pihak berkuasa tidak mengikut prosedur yang tertentu, orang yang terancam boleh menentangnya di Mahkamah untuk memohon **writ habeas corpus**, dengan ini tindakan penahanan Kerajaan bukan tidak boleh ditentang. Memang benar bila kita membincangkan tentang hak asasi manusia, Akta Keselamatan Dalam Negeri nampaknya telah melanggar hak asasi manusia serta menyekat kebebasan individu sehingga ke tahap yang mana tahanan-tahanan dinafikan hak untuk dibicarakan dalam Mahkamah terbuka. Memandangkan kesensitivitian yang amat genting dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan, sebarang bentuk perbincangan terbuka mengenai keselamatan mungkin tidaklah wajar dan barangkali mendatangkan akibat-akibat yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada berbagai kaum, agama, kebudayaan, adat istiadat dan latar belakang sosial yang berlainan, maka sudah tentu terdapat banyak isu yang sensitif yang harus dikendalikan dengan cermat dan **teliti**. Tanggungjawab dan perhatian utama Kerajaan ialah menjamin keselamatan negara, keamanan sosial dan ketenteraman awam. Memang tidak boleh dinafikan bahawa di dalam satu masyarakat berbilang kaum terdapat setengah-setengah orang yang tidak bertanggungjawab dan mempunyai kepentingan **diri sendiri** yang sering menimbulkan isu-isu sensitif yang mengakibatkan ketegangan kaum bagi mencapai matlamat-matlamat sendiri. Oleh **itu**, adalah perlu untuk Kerajaan mempunyai kuasa yang memadai serta berkesan bagi bertindak cepat dan

tegas untuk menghalang sebarang ancaman ke atas keselamatan. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa bagaimana baik sekalipun niat serta bagus disediakan satu undang-undang, kadangkala boleh disalahgunakan atau dilaksanakan secara berleluasa oleh mereka yang berkuasa. Contohnya, Operasi Lalang pada bulan Oktober, tahun 1987 yang mana 107 orang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Saya bersetuju bahawa tindakan penahanan Kerajaan adalah satu keperluan memandangkan situasi yang agak genting pada waktu itu.

Sementara saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah membebaskan semua tahanan daripada Operasi Lalang itu, memandangkan situasi keselamatan dalam negeri sudahpun kembali kepada sedia kala, saya ingin membuat beberapa komen serta pemerhatian saya kepada penguatkuasaan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Pertama sekali, sungguhpun penahanan oleh Kerajaan itu merupakan satu keperluan, namun, ia telah tidak dijalankan dengan adilnya atau ia setidak-tidaknya juga tidak nampak begitu. Orang ramai berpendapat bahawa setengah-setengah yang ditahan di bawah Operasi Lalang sebenarnya adalah agak tidak berdosa, sementara beberapa orang yang lain yang jelasnya mengancam dan pemimpin yang menyebabkan ketegangan, termasuk pemimpin-pemimpin politik tertentu dalam parti-parti komponen Barisan Nasional tidak pula ditahan. Ini telah melahirkan banyak ketidakpuasan kerana tindakan Kerajaan nampaknya tidak begitu adil.

Hatta, bahawa ramai daripada mereka yang ditahan itu dan kemudiannya dibebaskan dalam tempoh 40 hari yang pertama menunjukkan bahawa Kerajaan berpuashati bahawa mereka tidak mengancam keselamatan negara. Ini juga menunjukkan bahawa maklumat Polis yang mana

Perintah Penahanan itu diasaskan juga pada keseluruhannya tidak tepat dan tidak boleh dipercayai sepenuhnya. Satu soalan timbul, bagaimanakah Kerajaan akan memampaskan mereka yang telah salah ditahan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan keselamatan dalam negeri ini telah kembali kepada sedia kala tidak lama selepas Operasi Lalang itu, tetapi Kerajaan terus menahan beberapa orang tahanan lebih daripada satu tahun. Ini dianggap tidak perlu dan telah dikatakan sebagai satu bentuk hukuman serta penindasan politik terhadap pembangkang dan pengkritik Kerajaan.

Perbuatan ini telah menjejaskan imej demokrasi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah berkata bahawa di bawah undang-undang tiada seorang pegawai pun dibenarkan untuk menyeksa sesiapa sahaja. Pengkritik Kerajaan serta tahanan, politik bukannya penjenayah. Ramai daripada mereka adalah pemimpin yang dihormati dan disanjung tinggi dalam masyarakat. Jika Kerajaan memutuskan untuk menahan mereka untuk apa-apa tujuan sekalipun, mereka tidak sepatutnya terdedah kepada sebarang bentuk penyeksaan fizikal atau mental. Saya telah diberitahu bahawa setengah-setengah tahanan telah tidak diberi dengan bantal, tilam dan selimut serta makan-makan yang cukup, di samping terpaksa di-soal siasat selama beberapa jam tanpa berhenti. Tiada suratkhabar dan bahan-bahan bacaan lain dibenarkan juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah ikhlas dalam usahanya untuk mengekalkan keselamatan nasional serta kestabilan dan keamanan sosial, Oleh kerana keunikan sifat negara kita yang terdiri daripada pelbagai katon, pelbagai agama dan pelbagai kebudayaan, pengenalan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang mana memberikan kuasa yang besar kepada pihak Kerajaan untuk mencegah segala ancaman keselamatan patutlah diterima sebagai satu langkah kejam yang diperlukan ataupun 'a necessary evil', dengan izin, untuk sementara waktu memandangkan wujudnya ancaman terhadap keselamatan negara ini.

Dalam konteks ini adalah menjadi harapan keikhlasan kami agar Kerajaan pilihan kita akan mengambil dan mengamalkan dasar-dasar yang lebih demokratik dan lebih luas pandangannya, berdasarkan



kemajuan, kestabilan, keadilan dan kesaksamaan supaya rakyat kita tanpa mengira kaum dan agama tidak sahaja akan memberikan sokongan kepada Kerajaan pilihan kita tetapi juga memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara **ini**. Rakyat kita mesti bersatu-padu sebagai seorang rakyat Malaysia dan dengan itu tidak akan mudah dieksploitasikan dan bawa sesat oleh elemen-elemen anti nasional. Bila kita telah mencapai tahap **ini**, Akta Keselamatan Dalam Negeri sudah tidak sesuai atau diperlukan lagi dan saya berharap ia kemudiannya akan ditarik balik.

Dengan kata-kata sedemikian, saya ingin pohon menyokong Rang Undang-undang yang bernama Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1989. Sekian, terima kasih.

**5.35 ptg.**

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap syabas kepada Kementerian yang berkenaan atas usahanya hendak meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 di mana Kerajaan perlu berani, perlu meyakinkan rakyat bahawa sesuatu yang dibuat itu adalah kebaikan rakyat jelata. Kita mahu memisahkan kuasa mahkamah dalam hal ini kerana kita juga mahu rakyat menghormati Kerajaan apakala sesuatu keputusan yang baik itu tidak ditarik balik ataupun dibawa ke mahkamah.

Rakyat kita Malaysia sanjung tinggi dan menghormati segala keputusan mahkamah, mahupun adakalanya sesuatu keputusan itu membawa kepada kesulitan yang berat kepada Kerajaan yang memerintah. Banyak

peristiwa yang berlaku tetapi oleh kerana Barisan Nasional adalah sebuah parti yang tahu mengatasi sesuatu masalah ketika masalah itu menjadi rumit, dengan perbincangan dan sebagainya dengan semua pemimpin, dengan semua parti, semua keturunan maka kita dapat mengatasinya.

Kita juga melihat betapa angkuhnya mereka ini yang dikeluarkan dari tahanan. Mereka bukan sahaja insaf ataupun bertaubat atau menyesal, malahan lebih lagi perangnya menjadi-jadi menceritakan hal-hal yang tidak ada, memburuk-burukkan situasi dan sebagainya, isu perkauman juga dipertingkatkan, mengapi-apikan yang mana tidak akan mententeramkan lagi, tidak akan membawa perpaduan rakyat di Malaysia yang berbilang kaum.

Saya juga berasa kesal sedikit terhadap rakan saya tadi seorang Senator, Yang Berhormat Chan Choong Tak yang membangkitkan kerisauan beliau, kekhuatiran beliau, kebimbangan beliau apa akan berlaku 10 tahun atau 20 tahun lagi, seolah-olah anak cucu beliau dan anak cucu kita tidak teraman, tidak terjamin. Sekarang katanya, boleh, baik, oleh kerana Barisan Nasional ini mempunyai pemimpin-pemimpin yang berwibawa, pemimpin yang tahu, yang mengenal baik dan buruk. Seolah-olah masa hadapan ini jika sekiranya undang-undang ini masih kekal, mungkin ada Menteri-menteri yang seimbabas-imbas zalim macam Firaun barangkali, maka anak cucu kita akan dianiaya, tidak ada tempat kita hendak mengadu, tidak ada mahkamah boleh membetulkan yang tidak betul. Jika itulah tujuan beliau dalam ucapan itu, saya harap beliau tarik balik ataupun meminta maaf kepada Dewan **ini**. Saya sendiri tidak dengar sama ada beliau menyokong usul pindaan Rang Undang-undang ini untuk memindahkan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya seringkali dalam

soalan pun saya pernah kemukakan kepada Menteri yang berkenaan sudahkah mereka keluar daripada tahanan ISA ini berubah fe'el, perangai dia, orang kata sudah mari balik ke pangkal jalan kalau dia sesat, tetapi kata jawapan Menteri begitulah agak rupanya. Sebaliknya kalau kita baca majallah Raket kita boleh tahu bahasa yang digunakannya, cara-cara keluhan pemimpin-pemimpinnya mengeluarkannya seolah-olah negeri ini adalah negeri yang zalim, pemimpin-pemimpinnya tidak berhati perut manusia, tidak mahu menimbang atau memberi layanan yang istimewa kepada sesuatu golongan kaum, seolah-olah penindasan sedang berlaku dan pemimpin yang cuba menjuarai masalah kesulitan sesuatu kaum itu senantiasa ditekan, senantiasa tidak diberi peluang. Sebarang usul, sebarang cadangan-cadangan yang diberi, dibawanya pun kononnya ditolak, tidak diterima oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya Kerajaan tidak mahu bertegas, jika sekiranya kita tidak mahu menyokong Rang undang-undang ini ataupun pindaan ini maka kita masih ada ditahap yang lama, ditahap di mana satu peristiwa yang kita tidak akan lupa iaitu Peristiwa 13 Mei. Masa silam perlu dilihat, bukan untuk melayani rasa rindu (nostalgia) tetapi untuk mengingati kembali nilai-nilai asas perjuangan dengan jujur, segala kejayaan tulen dirayakan sambil mengucap syukur, manakala kegagalan dan kesilapan dikaji agar dapat dicari puncanya, dibaiki serta dijauhi mengulangnya. Kita tidak mahu peristiwa yang seperti itu mengulangi lagi. Masa kini juga harus dipandang dengan mata yang terang dan tajam agar jelas di mana kita kuat, di mana kita lemah, di mana kita betul, di mana kita salah. Berdasarkan masa silam dan masa kini, masa depan dirancang ia itu dengan memperkukuh kejayaan yang sudah dicapai serta membaiki dan mengelakkan berlaku lagi kegagalan dan kesilapan. Kita tidak mahu lagi kegagalan itu. Kita mahu membendungnya seberapa cepat yang boleh dari akar umbinya supaya tidak lagi Kerajaan dipandang lemah, Kerajaan selalunya bertolak ansur dan sebagainya. Jika undang-undang ini diperketatkan, pindaan ini dibuat, diluluskan, insya Allah, hal ini perlulah dibereskan oleh Kementerian sendiri. Tidaklah perlu lagi mereka yang berasa tidak puas hati itu hendak bawa ke mahkamah, janganlah kita memberi telah kepada mereka, jalan bagi dia keluar.

Saya percaya dan saya yakin, insya Allah, Barisan Nasional dapat mengekalkan Kerajaannya dengan cara munasabah dan juga cara

bertolak ansur sekarang ini, dengan harapan kita dapat meyakinkan rakyat iaitu isu perkauman tidak ada tempatnya di Malaysia dan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang boleh main peranannya masing-masing untuk mestabilkan, untuk memperkuatkan perpaduan dan menstabilkan ekonomi negara. Tanpa keamanan, tanpa ada satu undang-undang ketat kita tidak akan mencapai matlamat yang kita harap-harapkan itu. Maka saya mohon menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Sekian, terimakasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

**544 ptg.**

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang turut sama dengan rakan-rakan lain di Dewan yang mulia ini untuk tujuan memberi sokongan dan membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, yang mana dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri di Dewan ini baru sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Kerajaan dan khususnya Kementerian Dalam Negeri yang mana Akta tersebut telah dapat dipinda dan diubahsuai mengikut keperluan semasa yang bersesuaian pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah mencapai kemerdekaan sejak tahun 1957, kira-kira 32 tahun yang lalu, kemerdekaan Malaysia

dicapai melalui proses yang diplomatik dan bijaksana berlandaskan kerjasama yang harmonis di kalangan masyarakat majmuk yang wujud di negara ini demi kepentingan bersama. Atas kepentingan bersama, kita sama-sama memperjuangkan hak kita bagi mendapatkan kemerdekaan dan seterusnya mewujudkan dan menegakkan demokrasi di dalam negara kita ini. Hasil usaha kita yang jujur dan ikhlas kita dapat mengekalkan demokrasi yang telah wujud sejak kita merdeka. Demokrasi di negara kita ini dapat wujud sekian lama kerana kita dengan keadaan dalam negara dan bukan mengimport serta meniru terus demokrasi yang di amalkan di luar negeri. Demokrasi di negara ini tidak tunduk kepada kehendak perseorangan atau individu, sebaliknya demokrasi di negara ini adalah hak ramai dan menjaga kepentingan ramai.

Perjuangan yang undemocratic dengan tujuan mengambil alih kuasa dengan apa cara sekalipun hatta dengan kekerasan dan mencemar maruah dan nama negara tidak selaras dengan demokrasi yang diamalkan di negara ini. Tindakan setengah-setengah pihak yang terus menerus berusaha ini tidak kenal penat dan tempat sama ada di dalam atau di luar negeri apa juga isu yang boleh dieksploit akan terus dipergunakan. Mereka ini adalah golongan yang sentiasa mengambil kesempatan, golongan yang menanggung di air keruh tanpa mengira apa kesan buruk yang menimpa negara sama ada di segi perpaduan ekonomi dan kestabilan Kerajaan. Mereka akan terus bertindak sama ada secara terbuka atau sulit, keadaan huru-hara yang timbul di dalam negara akan menjadi masa yang paling sesuai serta paling baik bagi tindakan-tindakan mereka sehingga mereka akan sanggup mengabaikan segala peraturan yang sedia ada. Tindak tanduk dan tingkah laku golongan ini sudah tentu menimbulkan dan membangkitkan perasaan

ketakutan tidak selamat, prasangka dan tidak puas hati. Inilah matlamat akhirnya siapakah yang lebih mengetahui tentang keadaan keselamatan dan kestabilan di dalam negara kerana kredibilitinya pihak KDN dan Kerajaan sentiasa mempunyai rekod dan maklumat yang terang dan jelas mengenai segala perlakuan yang menyeleweng. Kerajaan tidak patut bertolak ansur kepada siapa juga yang dikenal pasti mengancam keselamatan orangramai dan negara. Kerajaan akan lebih berusaha sekiranya membenarkan seseorang pengancam negara yang boleh melibatkan orangramai yang, tidak berdosa terancam. Kuasa Menteri Dalam Negeri harus tidak dipersoalkan kerana beliau adalah orang yang bertanggungjawab secara mutlak kuasa, Menteri yang diberi tidak patut dipertikaikan sama ada dari segi tindakannya kredibilitinya.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Menteri yang bertanggungjawab adalah berdasarkan bukti yang jelas yang mana ada kalanya perlu menjadi rahsia Kerajaan. Oleh itu, di dalam kes seperti ini wajarlah Menteri berkenaan menggunakan budi bicaranya dan keputusannya tidak patut dipersoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, demi untuk menjaga kepentingan orangramai dan untuk mengawasi pihak-pihak yang sentiasa mengancam ketenteraman awam, adalah wajar Akta Keselamatan Dalam Negeri dikekalkan, malahan pindaan harus dibuat dari masa ke semasa bagi membolehkan pihak Kerajaan yang bertanggungjawab, khususnya Polis dapat menjalankan tugas mereka dengan teratur dan mengikut undang-undang. Kita semua sedia maklum bahawa walaupun Menteri. Dalam Negeri yang menandatangani mana-mana perintah tahanan terhadap pihak yang bersalah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, sebenarnya arahan ini dibuat atas nasihat profesional dari pihak Polis. Seseorang pegawai Polis yang menjalankan tugasnya dengan baik tidak terpengaruh dengan faktor-faktor ideologi mana-mana parti politik ataupun kepercayaan mana-mana ajaran agama ataupun kepentingan mana-mana kumpulan, yang menjadi asas laporan dan mereka adalah soal-soal ketenteraman awam yang mungkin penilaian terganggu disebabkan oleh tindakan mana-mana individu atau kumpulan, Oleh itu, pihak-pihak tertentu tidak harus mempersoalkan segala keputusan yang dibuat oleh Menteri yang bertindak atas nasihat profesional yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan pindaan Akta Keselamatan Dalam Negeri **ini**, saya ingin menyatakan bahawa yang paling penting dalam penggubalan undang-undang ataupun membuat pindaan-pindana kepadanya yang menjadi ujian, bukanlah perkara yang remeh-temeh seperti penahanan segolongan individu yang tertentu, tetapi sama ada undang-undang yang dibuat akan menjamin ketenteraman rakyat dan kestabilan negara dan pada hari ini pindaan yang dicadangkan oleh Kementerian Dalam Negeri adalah akan menjamin kesejahteraan rakyat jelata dan kestabilan negara pada keseluruhan-



nya yang terdiri dari berbilang kaum di negara kita **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut mempertahankan segala tindakan ekstrim yang mengambil kira kepentingan orang ramai, bukan untuk kepentingan perseorangan. Apa juga yang diperkatakan tentang human rights seharusnya melihat dari segi latarbelakang masyarakat negeri **ini**. Ada kekejamakah di negara seperti di Afrika Selatan, ada kekejamakah di negara kita seperti negeri China, ada kekejamakah di negara kita seperti di Palestin dan adakah kita juga mahu kekejaman seperti yang berlaku di Lebanon?

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja hujah saya dan saya menyokong Rang Undang-undang **ini**. Terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Tidak ada siapa-siapa lagi hendak berucap? Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**5.53 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberi pandangan, teguran dan ulasan semasa perbahasan ke atas pindaan Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri, terutama kepada Yang Berhormat Yang Berhormat Senator Azman Attar, Senator Chan Choong Tak, Senator R. Rajoo, Senator Lim Heng Tee, Senator Hamid Araby, Senator Hassan Nam,

Tuan Yang di-Portua, Kerajaan memang sentiasa sedar bahawa sebarang pindaan yang melibatkan undang-undang pentenggan, lebih-lebih lagi Akta Keselamatan Dalam Negeri ini sudah tentulah menarik minat dan perhatian, bukan sahaja dari Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi juga perhatian orang ramai dan pihak-pihak lain sama ada dalam mahupun luar negeri. Bagaimanapun, inginlah saya menyentuh

sedikit-sebanyak apa yang telah diperkatakan oleh beberapa orang Yang Berhormat tadi, terutama Yang Berhormat Senator Chan Choong Tak yang telahpun membangkitkan tentang pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak perlu kerana prinsip ujian subjektif telah diputuskan oleh Mahkamah Agung dan yang kedua peruntukan 8B menghalang mahkamah memutuskan ke atas soal *male fide*. Inginlah saya menyatakan bahawa Seksyen 8B adalah perlu untuk mengesahkan kedudukan undang-undang sama ada yang diputuskan kepada kes Karam Singh dan Theresa Chin dan juga untuk menentukan bahawa tindakan-tindakan lain oleh pihak Eksekutif di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang tidak disentuh oleh kes-kes itu juga patut dikenakan ujian subjektif. Apa yang disahkan ialah prinsip itu dikekalkan. Soal sama ada Seksyen 88 menghapuskan kuasa mahkamah terhadap kes *male fide* adalah soal tafsiran. Pada masa ini soal *hypotesis* terpulanglah kepada mahkamah untuk menentukan sama ada peruntukan ini mengenakan sekatan yang disebutkan tadi.

Perlu juga saya ingatkan kepada Yang Berhormat Senator Chan Choong Tak bahawa seseorang Menteri Dalam Negeri selalunya adalah seorang yang berpengalaman serta mempunyai kewibawaan yang tinggi. Jadi, segala tindakan seseorang Menteri Dalam Negeri itu adalah berhati-hati setelah benar-benar berpuas hati barulah keputusan dibuat oleh Menteri tersebut. Bagaimanapun, keraguan Yang Berhormat atas jika ada laporan-laporan yang kurang Cepat diberi kepada Menteri, perkara ini akan diambil ingatan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Yang Berhormat Senator G. Rajoo minta supaya satu-satu kes itu disiasat secara terperinci. Ini juga akan diambil perhatian yang serius.

Yang Berhormat Senator Lim Heng Tee telah merasakan bahawa ada perkara-perkara yang tidak adil dijalankan terhadap Operasi Lalang, kononnya ada yang tidak berdosa yang telah ditangkap, Ini adalah pendapat orangramai dan mungkin pendapat Yang Berhormat. Tetapi bagi pihak Polis yang lebih arif tahu segala data-data dan fakta-fakta, tahu siapa, yang berdosa dan siapa yang tidak berdosa. Jadi, pihak Kerajaan harus mendengar dari siapa, adakah daripada orangramai atau daripada pakar iaitu pasukan Polis? Jadi, saya tidak boleh menerima ada penahanan yang tidak berasal. Semua yang ditahan adalah pihak Menteri telah berpuas hati.

Tentang perkara siksaan Polis secara fizikal, perkara ini Kerajaan memandang serius dan kajian rapi akan dibuat. Pihak yang bersalah jika terbukti, tindakan akan diambil terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bukanlah mengambil tindakan untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri ini atau mana-mana Akta jua mengikut sesuka hati sahaja. Akan tetapi, setiap pindaan yang dicadangkan adalah berdasarkan sesuatu keputusan Kerajaan yang dibuat setelah ditimbang dan difikirkan memasak-masaknya akan akibat dan implikasi pada negara dan termasuk dari segi kepentingan rakyat jelata. Adalah tidak benar sama sekali tuduhan pihak-pihak tertentu yang menyatakan bahawa tindakan Kerajaan meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri ini adalah untuk kepentingan individu-individu atau golongan-golongan tertentu Kerajaan. Kalau begitu, bukanlah lebih mudah dan senang untuk Kerajaan sekiranya Kerajaan tidak membebaskan orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tanpa syarat yang mana memberikan mereka peluang untuk terus menyebarkan ancaman dan tohmahan—tohmahan terhadap Kerajaan. Seperti yang telah dijelaskan dengan panjang lebar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri semasa menggulung

perbahasan mengenai pindaan atas Akta Keselamatan Dalam Negeri ini di Dewan Rakyat pada 26hb **Jun, 1989** lalu bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri ini dianggap sebagai satu Akta yang, dengan izin, represifi bagi mereka yang suka melepas kata-kata dan cakap-cakap yang tidak bertanggungjawab yang menyebabkan ketegangan dan rasa kemarahan, di kalangan rakyat di negara kita yang berbilang kaum yang mana boleh mencetuskan suasana huru-hara dan mengganggu ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Dalam Negeri sebenarnya memelihara rakyat dari jenis orang-orang yang sebegini, yang suka dengan senjaga hendak membangkitkan isu—isu yang boleh menjejaskan suasana keharmonian dalam negara kita. Oleh sebab **itu**, rakyat jelata menyokong langkah-langkah Kerajaan yang diambil di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, kerana kalau tidak, kehidupan rakyat akan terganggu dan mereka akan sentiasa hidup dalam ketakutan. Dalam keadaan ini, Kerajaan tidak akan dapat melaksanakan program-program pembangunan negara untuk mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat dan sudah tentulah semua pihak akan rugi.

Sebagaimana yang telah saya huraikan dalam ucapan pembentangan saya bahawa cadangan pindaan ini adalah dibuat semata-mata untuk menentukan dengan jelas akan perahan dan bidangkuasa Menteri Dalam Negeri dan peranan dan bidangkuasa seorang Hakim Mahkamah. Dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini pihak Kerajaan yakin bahawa peruntukan-peruntukan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri akan menjadi lebih jelas dan akan mengelakkan sebarang kesamaran dan keraguan dalam penafsirannya. Dengan yang demikian pihak Kerajaan akan dapat terus melaksanakan tanggungjawab utamanya dalam mengawal dan memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara dengan lebih kemas dan berkesan demi mengawal keamanan dan kestabilan negara untuk kesejahteraan hidup rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Dato' Haji Abu Bakar bin Lajim **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang,

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG DARURAT (KETENTERAMAN AWAM DAN  
MENCEGAH JENAYAH) (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.03 ptg**

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, aaya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian jenayah yang berlaku di negara ini telah menunjukkan satu peningkatan dari setahun ke setahun. Kejadian jenayah yang berlaku pada tahun 1980 ialah 70,823

berbanding dengan 78,479 dalam tahun 1988 iaitu peningkatan sebanyak 11%. Jika dianalisa tahun demi tahun, indeks kejadian jenayah ini terus meningkat dari tahun 1980 hingga ke tahun 1986. Walau bagaimanapun, indeks jenayah ini telah turun 10% dalam tahun 1987 berbanding dengan tahun 1986 dan telah turun 7,9% dalam tahun 1988 berbanding dengan tahun 1987. Sungguhpun keadaan indeks jenayah semenjak dua tahun kebelakangan ini telah turun tetapi Kerajaan belum boleh berpuashati.

Apa yang menjadi kebimbangan di pihak Kerajaan ialah kejadian jenayah kekerasan pada keseluruhannya telah menunjukkan satu trend yang meningkat. Indeks jenayah kekerasan pada tahun 1980 adalah sebanyak 7,481 berbanding dengan 10,415 dalam tahun 1988 iaitu pertambahan sebanyak 39%. Peningkatan ini adalah satu aliran yang membimbangkan. Jenayah kekerasan yang dimaksudkan itu ialah bunuh, cuba bunuh, semua jenis samun termasuk bersenjatapi, rogol dan mencederakan manusia.

Kira-kira 80% daripada kejadian jenayah kekerasan di seluruh negara berlaku di Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Perak. Negeri-negeri ini merupakan negeri-negeri yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan di negeri-negeri inilah juga terdapat kegiatan-kegiatan ekonomi yang pesat. Kementerian Dalam Negeri amat memandang berat kejadian-kejadian jenayah kekerasan di tempat-tempat ini dan langkah-langkah sewajarnya perlulah diambil untuk membenterasnya. Jika tidak, ketenteraman awam akan terganggu dan sedikit-sebanyak boleh mengganggu kedatangan pelabur-pelabur asing dan pelancong-pelancong ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu undang-undang yang digunakan semenjak tahun 1969 untuk membanteras kejadian jenayah kekerasan dan

aktiviti kongsi gelap ialah dengan menggunakan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah)1969. Undang-undang ini digubal sebaik sahaja berlakunya Peristiwa 13 Mei yang bertujuan untuk menstabilkan keselamatan dan ketenteraman awam, dengan mengenakan perintah-perintah tahanan dan sekatan ke atas penjenayah-penjenayah.

Keengganan saksi-saksi memberi keterangan di mahkamah adalah punca-punca utama yang menyebabkan seseorang itu tidak dapat didakwa. Selain daripada itu terdapat sindiket-sindiket penyeludupan senjatapi, perompak, perancang jenayah colek yang askar dihadapkan di mahkamah kerana mereka berselindung diri. Adalah agak mudah sekiranya seseorang itu ditangkap ketika memegang senjatapi di tangannya tetapi tindakan itu tidak dapat dijalankan bagi orang yang merancang penyeludupan senjatapi. Bagi penjenayah seumpama itu tidak ada pilihan bagi Kerajaan melainkan mengenakan tindakan undang-undang pencegahan terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sesuatu perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri boleh dipersoalkan di mahkamah dengan berbagai-bagai cara. Cara yang paling kerap digunakan ialah dengan cara Writ of Habeas Corpus. Cara ini digunakan bagi mendapatkan perintah mahkamah untuk membebaskan orang yang masih ditahan. Setelah orang yang ditahan itu dibebaskan, ia pula boleh memohon kepada mahkamah untuk mengisytiharkan penahanannya itu dahulu tidak sah di sisi undang-undang dan meminta mahkamah memberi pampasan

Permohonan-permohonan ke mahkamah itu biasanya dibuat di atas beberapa alasan misalnya, dengan izin, "mala fide" iaitu perintah tahanan dibuat atas alasan-alasan yang terkeluar daripada tujuan undang-undang berkenaan dan juga kerana syarat-syarat penahanan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang tidak dipatuhi dengan sepenuhnya. Semenjak akhir-akhir ini diperhatikan juga telah wujud kecenderungan mahkamah-mahkamah di beberapa negara asing untuk memainkan peranan, dengan izin, "interventionise" dan menggantikan keputusan pihak Eksekutif mereka dengan keputusan mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan pada Fasal 2 ialah dengan menambahkan seksyen-seksyen baru 7C, 7D dan 7E kepada Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 ini bertujuan untuk menghalang perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri itu dipersoalkan iaitu selain daripada atas alasan bahawa kehendak-kehendak acara penahanan yang ditetapkan oleh undang-undang tidak dipatuhi. Dengan pindaan ini kewibawaan dan keikhlasan Menteri dalam membuat keputusan tidak boleh dipertikaikan lagi.

Jika mahkamah dibiar menggantikan keputusan pihak Kerajaan dengan keputusan mahkamah dalam perkara keselamatan negara dan ketenteraman awam, ini bermakna tanggungjawab bagi keselamatan negara terletak dengan mahkamah kerana mahkamah yang menentukan keputusan muktamad mengenai perkara-perkara keselamatan.

Ini bukanlah kehendak Parlimen yang mulia ini. Selama ini, pihak Kerajaanlah yang bertanggungjawab terhadap perkara keselamatan negara dan ketenteraman awam. Pamakaian prinsip dengan izin, 'subjective test' telah membolehkan Kerajaan bertindak dengan berkesan ke atas mereka yang mengancam keselamatan dan kestabilan negara. Adalah perlu kedudukan ini dijamin melalui undang-undang



kerana pihak Kerajaanlah merupakan pihak berkuasa yang paling sesuai untuk menimbang dan meneliti matlamat tertentu, khususnya perkara-perkara yang sulit dan membuat keputusan tentang tindakan pencegahan demi keselamatan negara, dan bukanlah mahkamah kerana mahkamah tidak diberi tugas untuk berbuat demikian kecuali dapat menimbang keterangan yang dibuktikan untuk keadilan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan yang dicadangkan **ini**, Kerajaan berharap bahawa hanya soal-soal prosedur sahaja yang boleh dipertikaikan di mahkamah. Budi bicara Menteri untuk menentukan seseorang itu mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam tidak boleh dipersoalkan lagi di mahkamah. Ini bertujuan untuk memastikan dengan jelas akan peranan dan kuasa Eksekutif khususnya Menteri Dalam Negeri dan peranan yang dimainkan oleh seseorang hakim di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhat Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

**6.13 ptg.**

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk terus membahaskan dan menyokong kepada Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara berkaitan dengannya dan Akta ini dinamakan Akta Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan) 1989.

Saya menyokong pindaan ini iaitu dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 7B, seksyen baru 7C, 7D dan 7E berkenaan dengan Akta Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah keselamatan negara dan ketenteraman awam, adalah jelas bahawa pihak eksekutif adalah pihak berkuasa yang paling sesuai untuk menimbang segala maklumat dan untuk menentukan langkah-langkah berjaga-jaga yang patut diambil dan mempunyai kata putus dalam perkara-perkara sedemikian.

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi sebagai negara yang memperjuangkan sistem demokrasi supaya

tidak tercemar. Ia sentiaaa menghormati pandangan ramai dan sentiasa bersikap terbuka, liberal dan peka terhadap apa juga reaksi orangramai.

Negara kita Malaysia tidak mengamalkan demokrasi yang sempit, kita memberi peluang kepada semua pihak mendapat hak dan ruang untuk sama-sama membentuk sistem demokrasi yang sihat dan baik untuk diamalkan di negeri ini. Kerana sikap dan sistem demokrasi yang begitu liberal itu kepada orang atau pihak yang merosak dan mencemarkan demokrasi mengikut kesesuaian, pandangan, sikap dan kepentingannya sendiri. Demokrasi adalah amalan yang baik dan selasa untuk memenuhi keperluannya sendiri sahaja. Demokrasi dengan ini digunakan secara sewenang-wenang tanpa mengenal batasan demokrasi yang diamalkan dalam konteks kedudukan kepentingan negeri ini. Akibat dari tindakan ini wujudlah pelakuan dan melihat buruk sama ada yang dapat dilihat dengan mata kasar atau yang berunsur negatif yang merbahaya yang semakin meningkat dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak siapa pun berani menafikan yang negara ini tidak bersih dari anasir-anasir yang boleh merosakan dan mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.

Peningkatan kes-kes jenayah yang semakin meningkat daripada hari ke hari, pihak eksekutif mesti bertanggungjawab untuk mengawal dan mencegah apa juga rupa bentuk keganasan, kekejaman, hasutan, pengkhianatan dan penipuan dari terus berleluasa dan bermaharajalela sehingga menjejaskan ketenteraman awam. Kalau mereka ini dibiarkan saya anggap mereka ini akan menjadi musuh dalam selimut dan juga

tidak ubah seperti musang berbulu ayam. Kalau ada musang berbulu ayam siapakah orang yang dapat mengenalinya kalau tidak orang yang selalu membela dan menjaga ayamnya. Kalau ada perlakuan dan melihat jahat dan buruk yang dilakukan oleh musang berbulu ayam ini tiada siapa pun dengan fikiran waras akan membiarkan musang itu bermaharajalela dengan tindak-tanduk yang kurang disenangi. Bagi kumpulan yang berkepentingan dan bertujuan jahat tidak akan mengira isu, tempat dan masa untuk bergerak. Oleh itu persoalan agama, bahasa, persoalan ekonomi, politik, orang perseorangan dan orang-ramai semuanya akan menjadi - asas - dan landasan untuk mereka membangkit perkara-perkara yang boleh menguntungkan diri mereka.

Tetapi sebelumnya menimbangkan akibat buruk kepada orang awam akibat perbuatan meletakkan undang-undang di tangan mereka sendiri adalah amat buruk dalam keadaan yang sudah kusut dan melampau batas kawalan, langkah berjaga-jaga tidak berguna lagi kalau nasi sudah menjadi bubur. Bayaran bagi memperbaiki keadaan yang buruk ini adalah mahal dan saya berpendapat bahawa langkah-langkah yang berjaga-jaga sebelum berlaku adalah langkah yang paling berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh membiarkan begitu sahaja orang melakukan angkara keji ini tanpa sebarang tindakan. Orang yang didapati melakukan kesalahan boleh terlepas dari hukuman kerana tiada saksi yang berani ke hadapan disebabkan keselamatan dan perkara-perkara tertentu yang terlalu peribadi. Adalah tidak wajar dan adil kalau kes seperti ini terus dibiarkan terlepas begitu sahaja. Oleh itu dengan adanya pemisahan kuasa yang jelas antara

kehakiman dan eksekutif iaitu badan kehakiman sebagai badan pengadilan sementara pihak eksekutif menjalankan langkah-langkah kawalan dan pencegahan, maka tidak wujudlah pertindihan kuasa di antara kuasa kedua dan berlaku konflik di antara satu sama lain. Dengan cara ini akan terpeliharalah keharmonian fungsi kedua badan ini yang saling bantu membantu di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, memberi kuasa kepada eksekutif yang tidak boleh dipersoalkan tidak bermakna merampas atau mengurangkan kuasa kehakiman bahkan ia mengemaskinikan lagi pelaksanaan tugas oleh kedua-dua badan ini. Dengan adanya kuasa eksekutif yang tidak boleh dipersoalkan itu langkah kawalan dan berjaga-jaga dan pencegahan terhadap sebarang bentuk jenayah dapat dilaksanakan secara berkesan. Langkah berjaga-jaga akan hanya berkesan jika sekiranya tindakan awal dapat diambil sebelum sesuatu kejadian itu berlaku dan bukan selepas sesuatu kejadian itu berlaku. Saya yakin bahawa walaupun kuasa eksekutif ini mutlak segala rupa tindakan yang diambil oleh pihak eksekutif adalah secara tindakan yang teliti, cermat dan lengkap dengan bukti serta bersesuaian dengan masa dan keadaan kerana ia diambil adalah berdasarkan kepentingan ramai dan bukan kepentingan satu pihak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kuasa eksekutif yang digunakan bukanlah kuasa daripada perseorangan tetapi kuasa daripada mandat rakyat yang diwakili kepada ahli-ahli badan eksekutif. Hakim tetap hakim, mereka adalah yang arif dan kearifan mereka adalah dihormati. Oleh itu saya percaya badan kehakiman dapat membezakan

di antara bidang kuasa dan kehakiman dan bidang kuasa eksekutif. Amalan demokrasi di negara ini subur dan tidak menyeleweng adalah pengamal-pengamal demokrasi yang melihat skop dan konsep demokrasi dari sudutnya sendiri. Kalau demokrasi baik untuk majoriti rakyat tetapi tidak memenuhi kehendak perseorangan. Tidak wajarlah kalau demokrasi itu dianggap sudah bankrap dan tidak tulen.

Tidaklah wajar kalau demokrasi itu dianggap sudah bankrap dan tidak tulen. Demokrasi tidak wujud untuk memenuhi fikiran yang sempit dan merbahaya yang tidak diterima ramai.

Tuan Yang di-Pertua, sekian hujahan saya dan saya menyokong Rang Undang—undang **ini**. Terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ada sesiapa lagi yang hendak berucap? Kalau tidak, minta Timbalan Menteri menjawab.

**6.21 ptg,**

**Dato' Megat Jonid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Hassan Nam yang telah mengambil bahagian dan yang telahpun membantu saya untuk menerangkan lebih jelas, lebih terang akan pindaan Akta **ini**. Dengan sebab itu saya tidak ada apa-apa tambahan maklumat atas perkara **ini**. Terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahwa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim **mempengerusikan Jawatankuasa**)

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN  
KHAS)(PINDAAN)**

**Bacaan Rali Tang Kedua dan Ketiga**

**6.23 ptg.**

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan dadah merupakan satu gejala yang amat bahaya kepada sesebuah negara. Ini bukan sahaja boleh melumpuhkan pembangunan sesebuah masyarakat tetapi ia juga menjadi punca berbagai jenayah termasuk keganasan, rompakan dan pembunuhan. Di negara-negara di mana penyalahgunaan dadah sedang merebak, gejala ini sukar dikawal kerana pihak yang ditugaskan untuk mengawal juga terlibat dengan pengedaran. Dengan itu ada kemungkinan kawalan ketenteraman dan keselamatan atau, dengan izin, preservation of law and order tidak boleh dilaksanakan dan anarki atau huru-hara akan wujud.

Sebenarnya di Malaysia juga sudah ada penglibatan beberapa pegawai keselamatan. Pendek kata, penyalahgunaan dadah boleh menghancurkan masyarakat dan negara. Justeru itu Kerajaan mengambil sikap yang tegas dalam usaha mengawal dan membasmi jenayah ini termasuklah hukuman gantung yang mandatori bagi pengedar yang bersalah.

Walau bagaimanapun, kita mendapati tidak semua pengedar dan penjenayah dadah boleh dihadapkan di mahkamah. Oleh itu Kerajaan



terpaksa menggunakan undang-undang pencegahan iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 yang telah berkuatkuasa semenjak tahun 1985. Penguatkuasaan undang-undang ini telah dijalankan dengan rapi dan teliti sesuai dengan peruntukan-peruntukan di dalamnya. Ia juga dikuatkuasakan dengan seberapa adil dan saksama yang mungkin.

Malangnya, walaupun tujuan Kerajaan ialah untuk membersihkan negara daripada jenayah yang amat bahaya ini, ada juga pihak yang berkepentingan memandang tindakan Kerajaan itu sebagai satu yang bertentangan dengan hak asasi manusia dan sengaja mencari helah dan jalan untuk mencabarnya di mahkamah. Justeru itu terdapatlah kes-kes habeas corpus yang dikemukakan ke mahkamah untuk menentang keputusan Menteri Dalam Negeri yang telah dibuat mengikut peruntukan-peruntukan dalam Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegah Khas) 1985 ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat dengan dekat peruntukan-peruntukan dalam Akta yang berkuatkuasa ini kita akan mendapati betapa telitinya perhatian diberikan kepada setiap kes. Dari mula seseorang itu didapati melakukan kesalahan dan perlu ditahan sehinggalah ke peringkat perintah tahanan dibuat, pihak berkuasa perlu mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Akta dengan tepat. Malah Akta ini ada memperuntukkan peranan pegawai siasatan yang boleh menjalankan siasatan untuk menentukan kesahihan tiap-tiap kes yang telah disiasat oleh polis itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lain-lain perkataan, keputusan yang dibuat oleh Menteri untuk menahan seseorang itu yang diperuntukkan dalam seksyen 6 dan 11A Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah

Pencegahan Khas) 1985 dibuat hasil daripada suatu proses penapisan dan siasatan yang teliti dan adil. Di samping itu, Menteri membuat keputusan berasaskan berasaskan kepada hasrat untuk mengekalkan keselamatan dan kesejahteraan negara dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, proses yang diamalkan sekarang perlu dijaga. Kita tidak mahu pihak Eksekutif menjadi lumpuh sehingga tanggungjawab mereka memelihara, keselamatan negara dan masyarakat tidak berkesan. Justeru itu, saya ingin mencadangkan pindaan-pindaan Kepada Rang undang-undang Akta Dadah Berbahaya (langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ini. Dengan pindaan ini kewibawaan dan keikhlaaan Menteri dalam membuat keputusan tidak boleh dipertikaikan lagi terutama sekali mengenai usaha-usaha yang berkaitan dengan keselamatan negara dan ketenteraman awam. Dengan pindaan ini maka akan terjaminlah kuasa Menteri sebagai pihak yang bertanggungjawab dan berkuasa dalam menimbang dan meneliti maklumat tertentu dan membuat keputusan tentang tindakan pencegahan demi keselamatan negara.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

#### **6.27 ptg.**

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang

bernama suatu Akta bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, memang kena pada tempatnya kuasa diberi kepada Kementerian yang berkenaan untuk menggunakan budibicaranya sendiri dan mengatasi sebarang masalah yang ada kaitan dengan penggunaan dadah yang merbahaya. Maka saya tidak ada hal-hal yang lain-lain lagi kerana sudah kita mengetahui betapa buruknya keadaan sekarang di mana masalah dadah ini membawa hampir-hampir nama Malaysia juga sudah terancam dan tidak lagi kita boleh berbangga mengatakan muda-mudi kita sekarang ini sudah kurang bersopan-santun dan malah satu sebabnya kerana mereka ini sudahpun menjadi penagih dan sebagainya.

Kita berharap dengan adanya pindaan undang-undang ini, maka mungkin satu tindakan yang lebih keras yang dijalankan boleh mengurangkan atau menghapuskan aktiviti penggunaan dadah merbahaya.

Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lazim:** Yang Berhormat-Yang Berhormat, masa sudah cukup. Oleh itu, saya menjemput Yang Berhormat Menteri membawa Usul Penangguhan Mesyuarat.

#### USUL

##### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

#### UCAPAN PENANGGUHAN

##### DASAR PENDIDIKAN TIDAK BERASASKAN RANCANGAN AD HOC

**6.30 ptg.**

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap di atas pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya sudah siap. Barangkali nampaknya sangat panjang, maka saya cuba dengan segala cubaan untuk meringkaskannya.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan kita telah berkembang dengan pesat tetapi satu ciri yang amat kesal di dalam amalan pendidikan kita ialah pelaksanaan program-program secara tergesa-gesa yang mana ia adalah dibentuk untuk menyediakan para belia kita bagi menghadapi cabaran negara pada masa hadapan.

Satu contoh yang paling klasik ialah Rancangan Sekolah Lanjutan. Ia diperkenalkan dan beberapa tahun kemudian telah ditolak dan digantikan dengan Sekolah Komprehensif. Setelah 15 tahun semenjak pemansuhan peperiksaan kenaikan sekolah rendah ke sekolah menengah serta pengenalan kenaikan secara automatik daripada Darjah Satu ke Tingkatan Tiga telah disedari bahawa sistem pendidikan nasional ini telah melahirkan jumlah, dengan izin, illiterates atau buta-huruf yang menakutkan.

Dalam usaha untuk membetulkan keadaan ini serta kelemahan-kelemahan yang lain di dalam sistem itu, rancangan-rancangan masa ini iaitu KBSR/KBSM telah masing-masingnya diperkenalkan dalam tahun 1981 dan 1987. Kedua-dua rancangan ini telah diistiharkan sebagai pendidikan yang bagus dan tegas, yang genting untuk melaksanakan rancangan-rancangan ini telah dipertanggungjawabkan kepada bahagian yang berkenaan dalam Kementerian Pendidikan.

Kejayaan rancangan KBSR ini bergantung kepada sekurang-kurangnya 3 faktor. Satunya ialah ada kelas yang kecil, yang lainnya sekolah itu barangkali sepatutnya dijalankan sebagai satu session atau satu sesi dan ketiganya adalah guru-guru yang memadai. Tetapi nampaknya pada masa KBSR ini dilancarkan, ketiga-tiga faktor ini belum ada. Kebanyakan sekolah mempunyai kelas-kelas yang mempunyai

lebih daripada 50 orang murid dan guru pada masa sekarang ini pun telah diberikan banyak kerja yang nampaknya tidak sesuai iaitu uem-buat kerja, membuat rancangan-rancangan, menulis rancangan-rancangan di buku rekod mereka dan buku-buku rekod ini mesti ditandatangani oleh Guru Besar dan oleh sebab masanya pendek, ada Guru Besar yang biasanya menandatangani rekod-rekod secara membabi-buta.

Di atas rancangan KBSM, saya di sini hendak menarik perhatian Dewan kepada rancangan kemahiran hidup dan kemahiran relatif KBSM. Sebagai satu contoh, rancangan ini dilancarkan serentak di dalam semua kelas Tingkatan Satu dalam bulan Januari 1989 tetapi garis paaduan dan rangka kursus untuk mengajar subjek-subjek itu hanya dapat diperolehi pada bulan Mac - dua bulan selepas kursus ini dilancarkan atau sistem ini dilancarkan.

Keduanya, bilik-bilik khas yang diperlukan untuk pengajaran yang berkesan dan pembelajaran kemahiran-kemahiran ini tidak pula didapati. Pengetua-pengetua pula diarahkan untuk mengemukakan keperluan mereka dalam pertengahan bulan Januari dan kesemua ini masih dalam tahap perancangan, Cara bagaimana subjek ini diper-kenalkan, kursus-kursus suaikenal sehingga seminggu untuk guru-guru dan ketidakpastian atas kesannya ke atas rangka atau format pemeriksaan awam semasa telah menimbulkan keresahan di kalangan ibu-bapa.

Berkenaan murid-murid, mereka terpaksa pergi ke sekolah. Kalau mereka belajar di sebelah petang, mereka terpaksa pergi ke sekolah pada lebih kurang pukul 11.00 pagi dan tiba balik ke rumah barang-kali sebelah lewat petang. Pada masa sekarang hanya Tingkatan Satu sahaja yang mengalami rancangan KBSM tetapi bilik-bilik darjah tidak cukup. Maka untuk tahun hadapan, satu tingkatan yang ditambah,

bagaimana bilik-bilik itu mencukupi, kita hendak tahu. Kita tahu bahawa Kementerian Pendidikan telah mengarahkan banyak sekolah untuk mendirikan bilik-bilik tambahan tetapi di sekolah-sekolah yang mendapat bantuan, misalnya sekolah-sekolah Mission atau sekolah-sekolah Cina yang tanahnya dipunyai oleh sekolah-sekolah sendiri, tidak ada rancangan untuk menambah bilik-bilik sekolah. Macam mana KBSM ini akan dijalankan pada masa yang akan datang.

Pada satu masa yang dahulu satu Federal Inspectorate yang bebas digunakan tetapi pada masa sekarang Federal Inspectorate ini tidak bebas, dia hanya menjadi satu bahagian dalam Kementerian. Maka ini menjadi 'accountability', dengan izin, satu krisis kerana dia tidak memberikan laporan dengan bebas, Maka oleh sebab ini, di sini saya hendak merayu kepada Kementerian Pendidikan untuk menubuhkan satu badan atau satu Jawatankuasa Perundingan Pendidikan Nasional supaya mendapat komen-komen daripada orang-orang yang berkenaan supaya satu plan induk dapat dijalankan. Janganlah seperti dahulu tiap-tiap rancangan itu nampaknya berasaskan kepada rancangan-rancangan ad hoc. Terima kasih.

### **6.37 ptg.**

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pendidikan, saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Encik Chan Choong Tak yang sudah memberikan teguran dan cadangan untuk kepentingan dan pembangunan pendidikan di negara kita ini.

Sememangnya tidak dapat dinafikan, Dasar Pendidikan Negara adalah amat kritikal dalam Perancangan Pembangunan Negara di masa hadapan. Jenis negara Malaysia yang dikehendaki memang jelas seperti yang termaktub dalam falsafah pendidikan negara. Dasar Pendidikan Kebangsaan kita sekarang adalah berasaskan kepada perakuan-perakuan Penyata Razak dan Laporan Rahman Talib yang

termaktub dalam Akta Pelajaran 1961. Dasar ini telah dirancang dengan **teliti** dan masih kekal sebagai dasar asas bagi pendidikan di negara ini.

Contohnya satu **ciri** dasar itu ialah penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa penghantar utama di, sekolah-sekolah dan penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa penghantar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan bahasa Tamil di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan **ciri** ini masih kekal. Oleh **itu**, dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Dasar Pendidikan di negara ini digubal atas asas ad hoc adalah tidak berasas.



Walau bagaimanapun strategi bagi melaksanakan dasar ini memang diubahsuai dari semasa ke semasa seperti juga yang dilakukan oleh Sistem Pendidikan di negara lain. Pengubahsuaian strategi ini yang meliputi program, projek dan aktiviti pendidikan perlu untuk memastikan Sistem Pendidikan itu kemaskini dan mampu memenuhi keperluan semasa. Perlu ditegaskan bahawa pengubahsuaian strategi itu dilakukan secara terancang dan teliti melalui kajian dan perbincangan Pasukan-pasukan Petugas dan Jawatankuasa-jawatankuasa yang sedia ada seperti Jawatankuasa Kewangan, Jawatankuasa Pembangunan, Jawatankuasa Pendidikan Tinggi, Jawatankuasa Pusat Kurikulum dan Jawatankuasa Perancangan. Sebaik mungkin pandangan dari berbagai pihak ditinjau dalam kajian-kajian tersebut. Biasanya satu pilot projek dijalankan sebelum sesuatu program itu dilaksanakan.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Sistem Sekolah Lanjutan pada tahun 1963 hingga 1965 adalah satu contoh rancangan adhoc. Perlu diingatkan bahawa sistem tersebut telah memberi permulaan kepada Sistem Sekolah Vokesyenal yang wujud pada masa kini.

Sistem Sekolah Lanjutan ini dihapuskan pada tahun 1965 dan digantikan dengan Sistem Aneka Jurusan yang lebih komprehensif. Ini merupakan contoh strategi yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk menyesuaikan perancangan kepada keadaan dan keperluan semasa. Oleh itu dakwaan Ahli Yang Berhormat mengenai amalan cara adhoc untuk merancang program-program pendidikan tidak berasas sama sekali.

Kementerian Pendidikan memang mempunyai perancangan supaya sekolah mempunyai saiz kelas yang kecil. Ini bertujuan untuk

mewujudkan pengajaran pembelajaran yang lebih berkesan. Namun pelaksanaan yang menyeluruh adalah berperingkat-peringkat bergantung kepada kemampuan negara. Kementerian memang mengharapkan bahawa semua guru yang dilatih akan menjadi guru-guru yang berdedikasi. Ini telah dilakukan melalui prosidur pengambilan yang lebih teliti dan rapi. Kementerian memang merancang supaya pengambilan itu adalah mengikut keperluan.

Kementerian memang berhasrat untuk mewujudkan sekolah-sekolah satu sesi di seluruh negara. Walau bagaimanapun ini tidak dapat dilaksanakan pada masa ini oleh kerana kekurangan peruntukan dan tapak terutama di kawasan bandar. Dewasa ini sekolah rendah satu sesi adalah berjumlah 5,878 iaitu 86.6%, manakala bagi sekolah menengah jumlahnya ialah 521 iaitu 40.52.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang urusan kenaikan pangkat yang dilaksanakan di Kementerian Pendidikan adalah berdasarkan kepada Perintah Am Bab 'A', dan Pekeliling-pekeling yang berkaitan dengan tatacara kenaikan pangkat. Asas-asas pertimbangan kenaikan pangkat itu adalah berdasarkan kepada kebolehan, kecekapan, sifat-sifat peribadi, kelulusan serta pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisi.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai ramai guru-guru yang dedikasi berpengalaman serta berkelayakan tidak dinaikkan pangkat adalah tidak tepat, memandangkan urusan kenaikan pangkat yang dilaksanakan adalah bergantung kepada prestasi yang ditunjukkan oleh setiap pegawai berdasarkan asas-asas pertimbangan kenaikan pangkat yang telah ditetapkan.

Menyentuh tentang dakwaan Ahli Yang Berhormat yang guru-guru

terpaksa banyak menghabiskan masa untuk persediaan mengajar. Sebenarnya guru-guru memang diperlukan menulis rancangan kerja penggal, mingguan dan harian di dalam Buku Persediaan mengajar mereka. Tujuannya ialah supaya guru-guru merancang dan membuat persediaan yang rapi sebelum mereka mengajar. Ini sangat penting bagi mewujudkan pengajaran, pembelajaran yang berkesan, Peraturan ini sememangnya sudah wujud dalam Sistem Pendidikan kita sejak dahulu lagi. Setakat ini tidak dilaporkan adanya Guru Besar menandatangani Buku-buku Persediaan mengajar guru secara membabi-buta,

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Yang Berhormat, masa yang diperuntukkan 7½ minit, banya-k lagi?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir jawapan ini adalah lebih panjang dan oleh sebab masa itu sudah cukup, saya.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Boleh teruskan 2 minit lagi.

**Tuan Woon See Chin:** .....akan hantar jawapan dengan bertulis kepada Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Dewan ini untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang esok, hari Rabu, 12hb Julai, 1989.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.**

